

www.terengganu-inc.com

# BULETIN TERENGGANU INCORPORATED

HARNESSING INVESTMENT FOR THE RAKYAT



TERENGGANU INC  
200601005493(725242-P)

## MELANGKAH KE 2025

MEMACU KEMAMPAAN,  
INOVASI, DAN KERJASAMA  
STRATEGIK UNTUK MASA  
HADAPAN

PROGRAM PENGARAH  
KORPORAT  
TERENGGANU INC 2024:  
FOKUS PRINSIP ESG

MENYAMBUT DETIK  
BERSEJARAH: SETENGAH  
JUTA PENGUNJUNG KE  
JAMBATAN ANGKAT  
TERENGGANU

TERENGGANU INC  
BERSINAR DI IGM 2024  
DENGAN INISIATIF HIJAU  
DAN PENGIKTIRAFAN  
INOVASI

SELANJUTNYA





#### BULETIN 2025 :

Berkonsepkan peralihan ke arah masa hadapan yang lestari, di mana gambaran usaha menuju pelaburan berdaya saing berlandaskan prinsip ESG mencerminkan komitmen Kumpulan Terengganu Inc dalam memperkasakan kelestarian secara menyeluruh merentasi pelbagai sektor dan aktiviti pelaburan.

## SIDANG REDAKSI

PENGARANG-PENGARANG KUMPULAN TERENGGANU INC

#### KETUA EDITOR

SURIDAH SUPIAN

#### PANEL PENULIS

AFIQAH MOHAMAD  
Terengganu Inc

NORFAR'IZAN HASHIM  
TDM Berhad

HAKIMI SAMSUDIN  
Eastern Pacific Industrial Corporation  
Berhad

MUHAMMAD FARID ZAKARIA  
Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd

AHMAD FAUZAN ABDUL  
Golden Pharos Berhad

MOHD NOOR FADHIR IBRAHIM,  
Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd

KHAIRUL AMRI HARUN  
Syarikat Percetakan Yayasan Islam  
Terengganu (SPYIT)

ATHIRAH MOHAMED AL-NAMIRI  
ManisFM

NUR HAZIRAH ZULKIFLI  
GPQ Sdn Bhd

RIA DHAMIJA  
Chicken Cottage Holdings Ltd

FARHANA ADILA MOHAMAD YUNUS  
TI Properties Sdn Bhd

NURIL ANWAR  
Permai Hotel Kuala Terengganu

ROSE HAZELINE ROSLE  
Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd

ANA @ AZMAN MUSTAFA  
PTB Unit Trust Berhad



**TERENGGANU INC**

TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.

Wisma TI, Chendering, 21080 Kuala  
Terengganu, Terengganu

Tel : +609-6177771

Fax : +609-6177772

www.terengganu-inc.com

## KANDUNGAN

**01.** Kata alu-aluan  
Pengerusi Terengganu  
Inc

**02.** Primula Beach  
HotelMajlis Makan  
Malam Bersama  
Kontinjen Olahraga  
Dan Bola Tampar  
Pantai Sukma XXI

**04.** Mesyuarat Hoc 2024:  
Kumpulan Terengganu  
Inc Perkukuh Strategi  
Ke Arah Pertumbuhan  
Mampun Tahun 2025

**05.** Kerjasama Strategik  
Cypark Dan  
Terengganu Inc Bagi  
Pelaksanaan Projek  
Solar Terapung Hibrid  
500mw Di Tasik Kenyir

**06.** Malaysia-China  
Summit (Mcs) 2024:  
Memperkuh  
Hubungan Ekonomi  
Dan Budaya

**07.** Terengganu Inc  
Bersinar Di Igem 2024  
Dengan Inisiatif Hijau  
Dan Pengiktirafan  
Inovasi

**08.** Terengganu Inc Dan  
Inceif Berganding  
Bahu Memperkasakan  
Kewangan Patuh  
Syariah Melalui Projek  
ABL

Kerjasama Strategik  
Terengganu Inc Dan  
Mb Holding Llc Oman  
Perkukuh Ekonomi  
Negeri

**09.** Corporate Directors  
Programme 2024  
: Mengiktiraf  
Pencapaian Cemerlang  
Anak Syarikat

**10.** Program Pengarah  
Korporat Terengganu  
Inc 2024: Fokus  
Kepada Prinsip ESG  
Hasil RM100 Juta

**12.** Epic Berhad Dan  
MRL Jalin Kerjasama  
Strategik, Perkasakan  
Ketersambungan  
Pantai Timur

**13.** Kerjasama Epic Berhad  
Dan Qaswa Holdings  
Tingkatkan Industri  
Maritim, Minyak Dan  
Gas Malaysia-Brunei

EOSB Dan UMT  
Meterai Kerjasama,  
Laksana Program 2u2i

**14.** TDM Terima Penarafan  
ESG Tertinggi: Antara 5  
Syarikat Perladangan  
Terbaik

TDM dianugerahkan  
'Company of the  
Year' dalam Kategori  
Perladangan dan  
Penjagaan Kesihatan  
di Anugerah  
Kepimpinan  
Kelestarian 2024

**15.** TDM Tandatangani  
Perjanjian Program  
Sukuk Wakalah  
bersama Affin dan  
Maybank

Retreat Lembaga  
Pengarah &  
Pengurusan TDM  
Berhad

**16.** SATU Water Raikan  
Majlis Sambutan Jubli  
Perak 25 Tahun

**17.** SATU Raih Anugerah  
Emas Top CSR  
Contributor 2023 Di  
Cdp 2024

**18.** SATU Cemerlang  
Dalam Amalan  
Integriti Dan  
Tatakelola

SATU Perkukuh  
Penglibatan Melalui  
Dialog Belanjawan  
2025

**19.** SATU Menandatangani  
Perjanjian Tenaga  
Boleh Diperbaharui  
Dengan GSPARX

**20.** Penghormatan Diraja:  
Lawatan Dymm  
Sultanah Nur Zahirah  
Ke Jambatan Angkat  
Kuala Terengganu

**21.** Kunjungan Hormat:  
Memperkuh  
Kerjasama Untuk  
Perkhidmatan  
Pengurusan Aset  
Berkualiti Dan Lestari

Majlis  
Menandatangani MOU  
Antara TI Properties &  
Xenergi Sdn Bhd

**22.** Hi-Tea Eksklusif:  
TI Properties,  
Penyelesaian Energi  
Hijau Anda

Penerokaan Baharu  
Dalam Penjagaan  
Kesihatan: TI  
Properties Dan  
Strands Engineering  
Menandatangani MOU  
Untuk Perkhidmatan  
Biomedikal

**23.** TI Properties  
Kembangkan Pasaran  
Di Malaysia Dan  
Rantau Asean

Memantapkan  
Kolaborasi Strategik  
: TI Properties Teroka  
Peluang Di Sarawak

Chicken Cottage Buka  
Cawangan Ke-67 Di  
Camden Town, London

**24.** Pengerusi Golden  
Pharos Berhad Lawat  
Tapak Pengurusan  
Hutan Simpan Hulu  
Jengai

Golden Pharos Berhad:  
Kumpulan Pengurusan  
Kayu Kayan  
Terengganu (KPKKT)  
Raih Tempat Kedua  
dalam Pertandingan  
Amalan Terbaik  
Terengganu

Golden Pharos Berhad  
Rangka Perancangan  
Strategik 2025:  
"Tech Meets Nature:  
Unlocking Hidden  
Values"

**25.** Menyambut Detik  
Bersejarah: Setengah  
Juta Pengunjung Ke  
Jambatan Angkat  
Terengganu

**26.** Primula Beach Resort  
Menang Anugerah  
"Best Hotel For  
Sustainable Practices"

**27.** Program Kem Jati Diri  
Dan Kecemerlangan  
SPM Persiap Anak-  
Anak Warga Kerja  
Epic Berhad Hadapi  
Peperiksaan

Epic Berhad Anjur  
Program Integriti Dan  
Anti Rasuah Bersama  
Pengetua, Guru  
Besar Dan Pentadbir  
Sekolah-Sekolah  
Negeri Terengganu

**28.** TDM Sokong Misi  
Kemanusiaan Al Aqsa  
Pada Majlis Amal 365  
Hari Memperingati  
Perjuangan

TDM Lancar Inisiatif  
Program Hospital  
Mesra Ibadah

**29.** TDM Menyantuni  
Golongan Asnaf  
Melalui Program 'TDM  
Bersama Masyarakat  
Ajil'

**30.** TDM Sambut  
Muharram 1446h  
Dengan 'Program  
Gotong-Royong  
Asyura'

TDM Sertai Sambutan  
Hari Gajah Sedunia  
2024

**31.** SATU Lancar Ekspedisi  
Kembara Cita Ke  
Everest Base Camp

**32.** SATU Water Laksana  
Program CSR  
Pembersihan Di  
Perkuburan Islam

SATU Water Jayakan  
Program CSR Di Sk  
Pulau Redang

**33.** Program Lawatan  
Pelajar Ke LRA Bukit  
Berapit Sempena Jubli  
Perak Satu

SATU Water Hulur  
Bantuan Tangki Air Di  
Kelantan

**34.** TI Properties Menaja  
Program Samo Fun  
Walk: Dorong Gaya  
Hidup Sihat Dalam  
Komuniti Setempat

TI Prop Harmoni  
Komuniti: Kempen  
Kesedaran Kesihatan  
Wanita Bersempena  
Bulan Kesedaran  
Kanser Payudara

**35.** TI Properties Harmoni  
Lestari: TIProperties  
Mendorong Komitmen  
ESG Melalui  
Penanaman Semula  
Pokok Bakau

Sk Teluk Ketapang  
Raikan Kemerdekaan  
Dengan Kayuhan  
Basikal Ke Jambatan  
Angkat Kuala  
Terengganu

Perasmian  
Perkhemahan  
Unit Beruniform  
Sk Seberang Takir  
: Membentuk  
Kepimpinan Generasi  
Masa Hadapan

**36.** Sumbangan Kepada  
Sekolah Pondok  
Oleh Adun Air Putih  
Dan Ladang Rakyat  
Trengganu

Karnival Komuniti  
Ladang Rakyat  
Terengganu 2024  
Meriah Dengan  
Pelbagai Aktiviti

**37.** International Golden  
Monsoon Ride (IGMR)  
2024 Cipta Detik  
Bersejarah Di PSKT

**38.** TI Properties Taja  
Kejohanan Tour Gateh  
D'Tranung 2024

Syarikat Air  
Terengganu Sdn Bhd  
(Satu) Bangga Sokong  
Tour Gateh D'Tranung  
2024

**39.** EPIC Berhad  
Rancarkan  
Penganjuran  
Tour Gateh D'Tranung 2024

**40.** EPIC Berhad Taja  
Kejohanan Bola Sepak  
Robotik Kebangsaan  
2024

**41.** Kumpulan TDM Muncul  
Juara Kategori Korporat  
Dan Ngo Dalam  
Sambutan Maulidur  
Rasul 1446h/2024m

TDM Sokong MFC  
Dalam Misi Dakwah  
Melalui Bola Speak

**42.** TDM dan KMI Kuala  
Terengganu Medical  
Centre Merencanakan  
Stadium dengan 'Half-  
Time Show: Penalty  
Kick'

Primula Beach Hotel  
Program Semarakkan  
Semangat Patriotisme:  
Penggajian 1,000  
Jalur Gemilang

“ Tahun 2024 pula menjanjikan peluang untuk mengukuhkan pengurusan yang lebih berkesan menerusi pementapan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Bertemakan “MELANGKAH KE 2025: MEMACU KEMAMPAKAN, INOVASI, DAN KERJASAMA STRATEGIK UNTUK MASA DEPAN”, tema ini menjadi asas kepada strategi perniagaan Kumpulan dalam memastikan kelestarian persekitaran, pembangunan sosial yang inklusif, dan pematuhan kepada piawai etika yang tinggi. ”

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, Kumpulan Terengganu Inc telah berjaya mencatatkan pencapaian yang membanggakan sepanjang tahun 2023. Kejayaan ini terhasil daripada pelaksanaan pelbagai strategi, pengadaptasian inovasi, serta pengamalan budaya penambahbaikan secara berterusan yang membolehkan Kumpulan meningkatkan pulangan hasil dengan begitu signifikan.

Dalam usaha memperluas peluang pembangunan dan kepelbagaian, Terengganu Inc memberi tumpuan kepada teknologi hijau, khususnya melalui pengembangan panel solar terapung serta inovasi dalam teknologi makanan. Usaha ini dijangka mampu menyumbang kepada peningkatan hasil dan nilai aset bersih Kumpulan kepada RM2.0 bilion pada masa hadapan.

Pada tahun 2023, Kumpulan Terengganu Inc telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM1.5 bilion, hasil daripada kejayaan dalam pelbagai sektor perniagaan. Ini bukan sahaja memperkukuh pertumbuhan ekonomi negeri, malah turut meningkatkan kualiti hidup rakyat Terengganu. Kumpulan Terengganu Inc telah menyediakan sebanyak

9,285 peluang pekerjaan, dengan 5,540 daripadanya diisi oleh anak jati Terengganu. Selain itu, sebanyak 429 pelatih industri dan pengurusan turut mendapat peluang latihan, sejajar dengan perkembangan pesat pelaburan perniagaan yang dilaksanakan oleh Kumpulan.

Dalam aspek tanggungjawab sosial korporat (CSR), Kumpulan telah menyalurkan sebanyak RM11 juta untuk pelbagai inisiatif, termasuk pembayaran zakat berjumlah RM7.4 juta. Tidak dilupakan, sebanyak RM500,000 telah disalurkan kepada Yayasan YT-TI khusus untuk sektor pendidikan. Dana ini bertujuan untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan, terutamanya dalam kalangan pelajar dan komuniti yang memerlukan. Menyedari kepentingan pendidikan sebagai asas kepada kemajuan negeri, jumlah ini kemudiannya ditambah sebanyak RM500,000, menjadikan jumlah keseluruhan dana yang diperuntukkan berjumlah RM1 juta. Penambahan ini mencerminkan kesungguhan Kumpulan dalam memastikan pelaksanaan program-program pendidikan yang lebih menyeluruh dan memberi manfaat yang berpanjangan kepada rakyat Terengganu.

Komitmen Kumpulan Terengganu Inc untuk mencapai 35% campuran kapasiti tenaga boleh baharu (TBB) menjelang 2025 turut mencerminkan keazaman Kumpulan Terengganu Inc untuk memimpin agenda kelestarian di rantau ini. Saya percaya bahawa kejayaan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada Kumpulan, tetapi juga menginspirasi organisasi lain untuk mengadaptasi agenda kelestarian demi masa depan negeri Terengganu yang mampan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah, dan pasukan pengurusan atas sumbangan mereka dalam merangka hala tuju strategik Kumpulan. Tidak dilupakan, penghargaan ini turut ditujukan kepada seluruh warga kerja Kumpulan Terengganu Inc atas dedikasi dan komitmen tinggi mereka. Semoga segala usaha ini terus diberkati Allah SWT dan kejayaan yang dicapai dapat membawa manfaat yang berpanjangan kepada rakyat dan negeri Terengganu.

**YAB DATO' SERI IR. DR. AHMAD  
SAMSURI BIN MOKHTAR**  
Menteri Besar Terengganu  
merangkap Pengerusi Terengganu Inc

KATA ALU-ALUAN PRESIDEN  
DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

**BURHANUDDIN HILMI BIN MOHAMED @ HARUN**

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc

Prestasi konsisten dan pertumbuhan hasil Kumpulan terutamanya dalam sektor kesihatan, menyerlahkan sifat dinamik dan komitmen kami untuk menyampaikan nilai kepada ekonomi negeri Terengganu. Sejak 2017, hasil kami telah meningkat secara konsisten, menunjukkan keupayaan kami untuk memacu perkembangan perniagaan yang berubah-ubah.

Terengganu Inc. memanfaatkan momentum pertumbuhan, nilai berkekalan dan menggalakkan pembangunan mampan untuk kelebihan semua pihak berkepentingan.

“MENGIMBAS KEMBALI TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA, TERENGGANU INC BERJAYA MENGHARUNGI PERSEKITARAN YANG MENCABAR. MEMPAMERKAN DAYA TAHAN DAN KEPINTARAN STRATEGIK DALAM MENGHADAPI PASARAN BISNES YANG TIDAK MENENTU.”



PRIMULA BEACH HOTEL  
MAJLIS MAKAN  
MALAM BERSAMA  
KONTINJEN  
OLAHRAGA DAN  
BOLA TAMPAR  
PANTAI SUKMA XXI





**02** PRIMULA BEACH HOTEL BERSAMA KETUA KONTINJEN SUKMA XXI, SUKMA SARAWAK JUN 2024 TELAH MERAIKAN KONTINJEN OLAHRAGA DAN BOLA TAMPAR PANTAI NEGERI TERENGGANU DALAM SATU MAJLIS MAKAN MALAM BERTEMPAT DI BAYU RESTAURANT, PRIMULA BEACH HOTEL. KOLABORASI INI BERTUJUAN MENYUNTIK SEMANGAT DAN MOTIVASI KEPADA PARA ATLET YANG BAKAL BERTANDING DALAM SUKMA XXI, SUKMA SARAWAK PADA OGOS NANTI.



Majlis ini juga menjadi platform untuk merapatkan hubungan antara para atlet, jurulatih, dan pihak pengurusan dalam usaha membina semangat kerjasama berpasukan. Acara ini juga diharapkan dapat memupuk minat dan sokongan komuniti terhadap sukan, sekali gus memperkukuhkan budaya sukan di Negeri Terengganu.


Untuk menjadikan acara ini lebih bermakna, pihak Primula menyediakan persembahan gimik pembukaan majlis yang sangat istimewa. Persembahan silat dipamerkan oleh kakitangan hotel semasa gimik pembukaan, mencipta suasana meriah dalam majlis tersebut. Selain itu, tayangan video yang memaparkan kata-kata semangat daripada wakil setiap jabatan turut ditayangkan. Video tersebut memperlihatkan sokongan padu dari semua lapisan organisasi, mengingatkan para atlet bahawa mereka tidak berjuang sendirian tetapi didukung oleh seluruh komuniti.

Majlis turut dihadiri oleh Dato' Tun Ahmad Faisal bin Tun Abdul Razak selaku Chief De Mission (CDM) Kontinjen SUKMA Negeri Terengganu, Dato' Rosli bin Latif, Timbalan Chief De Mission Kontinjen SUKMA Negeri Terengganu, Puan Hajjah Maldiana bt Abdul Patah Timbalan Chief De Mission Kontinjen SUKMA Negeri Terengganu dan Encik Ahmad Shahrizal bin Yahaya, Pengarah Majlis Sukan Negeri Terengganu serta Puan Hajjah Suaibah Harun Pengurus Besar Primula Beach Hotel turut hadir memeriahkan majlis.

Dengan adanya sokongan seperti ini, kami yakin bahawa Kontinjen Olahraga dan Bola Tampar Pantai Negeri Terengganu mampu mencapai kejayaan yang lebih gemilang dalam SUKMA XXI.

Memetik kata-kata daripada Puan Hajjah Suaibah Harun selaku Pengurus Besar;

**"KAMI DI PRIMULA BEACH HOTEL AMAT BERBANGGA DAPAT BERSAMA-SAMA MERAIKAN ANDA SEMUA PADA MALAM INI. KAMI BERHARAP PESERTA AKAN BERTANDING DENGAN PENUH SEMANGAT JUANG DAN DEDIKASI, MEMBAWA NAMA NEGERI TERENGGANU KE PUNCAK KEJAYAAN. SEMOGA KEJAYAAN MENJADI MILIK ANDA SEMUA. MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA!"**



# MESYUARAT HOC 2024: KUMPULAN TERENGGANU INC PERKUKUH STRATEGI KE ARAH PERTUMBUHAN MAMPAN TAHUN 2025

**06**  
OKTOBER  
2024

**KUMPULAN TERENGGANU INC TELAH MENGUKUHKAN KOMITMENNYA TERHADAP KEMAMPAN**

**PERNIAGAAN DALAM MESYUARAT HEAD OF COMPANY (HOC) MESYUARAT HEAD OF COMPANY (HOC) YANG BERLANGSUNG DI RESORTS WORLD KIJAL, KEMAMAN. MESYUARAT INI MENJADI ASAS PENTING DALAM PERJALANAN KEJAYAAN MENUJU TAHUN 2025.**



Dengan kehadiran ketua-ketua dari pelbagai anak syarikat, mesyuarat ini memberi tumpuan kepada pencapaian sepanjang tahun 2024, inisiatif yang sedang dilaksanakan, dan pelan strategik masa depan. Fokus utama turut diberikan kepada penerokaan peluang pelaburan baharu, terutamanya dalam sektor teknologi hijau dan inisiatif mampan.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, YBhg. Encik Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun. Pendekatan ini memastikan Terengganu Inc kekal dinamik dan flexible dalam industri, sekali gus meneroka peluang yang boleh memacu pertumbuhan mampan serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri.

Kumpulan Terengganu Inc telah mengukuhkan komitmennya terhadap kemamparan perniagaan dalam mesyuarat Head of Company (HOC) yang berlangsung di Resorts World Kijal, Kemaman.

Melalui pelaksanaan visi strategik ini, Terengganu Inc terus berusaha untuk menjadi peneraju dalam sektor ekonomi yang lestari, dengan memberikan penekanan kepada inovasi dan pembangunan yang berterusan.



# KERJASAMA STRATEGIK CYPARK DAN TERENGGANU INC BAGI PELAKSANAAN PROJEK SOLAR TERAPUNG HIBRID 500MW DI TASIK KENYIR

**08**  
DISEMBER  
2024

CYPARK RESOURCES BERHAD DAN TERENGGANU INC SDN BHD TELAH BEKERJASAMA DALAM MEMBANGUNKAN MEMBANGUNKAN KEMUDAHAN SOLAR TERAPUNG HIBRID (HYBRID HYDRO-FLOATING SOLAR, HHFS) DENGAN KAPASITI 500 MEGAWATT (MW) DI TASIK KENYIR, TERENGGANU.

Projek ini menggabungkan teknologi solar terapung dan tenaga hidro. Pelaksanaannya turut melibatkan Tenaga Nasional Berhad Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) yang bertanggungjawab terhadap reka bentuk, pembinaan, dan pengoperasian kemudahan tersebut. Tasik Kenyir menawarkan ekosistem yang unik serta potensi besar sebagai lokasi ideal untuk teknologi HHFS. Projek ini dilihat bakal menetapkan penanda aras baharu bagi penyelesaian tenaga boleh baharu, selain memacu ekonomi kitaran yang mampan.

Tasik Kenyir, yang memiliki keluasan permukaan air 370 kilometer persegi, dilihat mampu menyokong penjanaan dan penyimpanan tenaga bersih, sekaligus mengukuhkan sistem grid elektrik Malaysia. Projek ini turut dijangka membuka peluang pekerjaan kepada tenaga kerja mahir tempatan. Projek yang dijadualkan bermula pada tahun 2025, ia akan menggunakan gabungan teknologi hidro hibrid dan fotovoltan solar terapung, mencerminkan langkah penting dalam usaha Malaysia mencapai sasaran tenaga boleh baharu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, YBhg Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun, menyatakan komitmen syarikat terhadap penggunaan sumber semula jadi secara bertanggungjawab sambil

memacu pertumbuhan mampan. Menurut Pengerusi Eksekutif Cypark, Datuk Hamidah Moris, projek ini akan menyumbang kepada keberkesanan tenaga serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG7 (tenaga mampu milik dan bersih) dan SDG12 (penggunaan serta pengeluaran yang bertanggungjawab).


Projek HHFS ini bakal menjadi tapak terbesar di Malaysia yang mengintegrasikan tenaga solar terapung, penyimpanan bateri, dan potensi badan air. Langkah ini akan memperkukuhkan kedudukan Terengganu sebagai peneraju tenaga hijau, selain menyumbang kepada pembangunan mampan negara.



# MALAYSIA-CHINA SUMMIT (MCS) 2024: MEMPERKUKUH HUBUNGAN EKONOMI DAN BUDAYA

Malaysia-China Summit 2024 (MCS 2024) telah dirasmikan oleh YB Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia pada hari pertama ianya berlangsung. Pameran ini turut dihadiri oleh YB Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican, Pengerusi MATRADE dan TYT Ouyang Yujing, Duta Besar Republik Rakyat China ke Malaysia sebagai simbolik hubungan erat antara kedua-dua negara.

Pavilion Terengganu menjadi tumpuan ramai dengan reka bentuk yang diilhamkan oleh tanjak ikonik Terengganu, menampilkan pelbagai segmen menarik yang memperlihatkan keunikan negeri ini. Segmen Agensi Negeri memperkenalkan pemain utama seperti Terengganu Inc, TDM Berhad, EPIC Berhad, Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd, dan Golden Pharos Berhad, manakala Segmen IKS menonjolkan perniagaan kecil dan sederhana di bawah naungan Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU). Selain itu, Segmen Pelancongan pula memaparkan destinasi pelancongan dan budaya Terengganu yang memukau, sekali gus menyerlahkan kekayaan warisan dan potensi negeri ini.



**17-19 DISEMBER 2024** SIDANG KEMUNCAK MALAYSIA-CHINA (MCS) 2024 BERLANGSUNG DENGAN JAYANYA, MENYATUKAN PEMIMPIN, INOVATOR, DAN USAHAWAN DARI MALAYSIA DAN CHINA UNTUK MEMPERKUKUH KERJASAMA EKONOMI DAN BUDAYA. ACARA INI BERTEMPAT DI MITEC, KUALA LUMPUR, YANG MENYERLAHKAN KEUNIKAN WARISAN DAN POTENSI NEGERI INI.

Hari kedua menyaksikan sesi Pocket Talk bertajuk "Gateway to Opportunities in Terengganu", disampaikan oleh Encik Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc. Sesi ini mengetengahkan daya tarikan Terengganu sebagai destinasi pelaburan.

YB Haji Mohd Nurkhuzaini Ab Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Ekonomi Digital, Pendapatan Baharu, Perdagangan, Perindustrian Dan Teknologi Hijau, turut hadir memberi semangat kepada penyertaan Terengganu di MCS 2024 tersebut.

MCS 2024 melabuhkan tirainya pada hari ketiga dengan ucapan penghargaan kepada Invest Terengganu atas usaha menyelaras pelbagai agensi dan organisasi yang mempromosikan negeri ini. Kejayaan MCS 2024 bukan hanya meraikan pencapaian masa kini, tetapi juga membuka peluang kerjasama baharu antara Malaysia dan China.

Dengan pencapaian ini, Terengganu terus membuktikan keupayaan sebagai peneraju inovasi dan rakan strategik utama dalam memperkukuh hubungan ekonomi serantau.





# TERENGGANU INC BERSINAR DI IGEM 2024 DENGAN INISIATIF HIJAU DAN PENGIKTIRAFAN INOVASI

**09-11 OKTOBER 2024** TERENGGANU INC MENUNJUKKAN KOMITMEN TERHADAP KEMAMPAHAN DAN INOVASI HIJAU DI PAMERAN DAN PERSIDANGAN PRODUK EKOLOGI & TEKNOLOGI HIJAU ANTARABANGSA MALAYSIA (IGEM) 2024, YANG BERLANGSUNG DI PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR. KEHADIRAN SYARIKAT INI DI IGEM MEMPERKUKUHKAN PERANAN TERENGGANU SEBAGAI PENERAJU TRANSFORMASI HIJAU NEGARA MELALUI PELBAGAI INISIATIF MAMPAN DAN KERJASAMA STRATEGIK.

Pada hari pembukaan, Terengganu Inc menerima kunjungan hormat YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri II Malaysia, yang mengiktiraf usaha syarikat dalam membangunkan teknologi hijau dan memacu pembangunan mampan. Bersama Invest Terengganu serta anak syarikat seperti TDM Berhad, EPIC Berhad, dan Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd, Terengganu Inc mempamerkan projek dan peluang pelaburan hijau yang memperkukuhkan kedudukan negeri ini sebagai kuasa hijau utama di Malaysia

Hari kedua IGEM menyaksikan perasmian oleh YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi, yang menekankan pentingnya kemampuan ekonomi dalam peralihan Malaysia ke arah masa depan hijau. Dalam ucapannya, beliau memberi inspirasi kepada pemain industri untuk meneroka inovasi baharu bagi menyokong pembangunan mampan negara. Sesi Pocket Talk bertajuk "Investment Haven of the East - Terengganu", yang disampaikan oleh Encik Mohd Adzhar bin Mohd Zahari, Pengurus Besar Invest Terengganu, turut menarik perhatian ramai. Sesi ini menyoroti daya tarikan Terengganu sebagai destinasi utama pelaburan mampan.

Kehadiran Dato' Azizulhasni Awang bersama YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar, memperkukuhkan lagi dedikasi Terengganu Inc dalam mengimbangi pemeliharaan alam sekitar dengan pembangunan ekonomi.

Pada acara kemuncak IGEM, Negeri Terengganu dianugerahkan Anugerah Inovasi Negeri oleh YB Nik Nazmi Nik Ahmad. Penghormatan ini mengiktiraf kejayaan projek solar terapung dan inisiatif mampan lain yang dipelopori oleh Terengganu Inc, sekali gus meletakkan negeri ini sebagai contoh transformasi hijau.


Pengiktirafan ini mencerminkan usaha berterusan Terengganu Inc dalam membangunkan masa depan yang bersih dan mampan untuk Terengganu serta Malaysia. Pada masa yang sama, Terengganu Inc mengucapkan penghargaan kepada rakan-rakan strategik seperti Invest Terengganu, EPIC Berhad, TDM Berhad, dan Ladang Rakyat Trengganu yang menjadi sebahagian daripada kejayaan ini. Dengan pencapaian ini, Terengganu Inc terus mengukuhkan peranannya sebagai peneraju dalam inovasi hijau dan pembangun mampan yang berwawasan.



## TERENGGANU INC DAN INCEIF BERGANDING BAHU MEMPERKASAKAN KEWANGAN PATUH SYARIAH MELALUI PROJEK ABL

27 OKTOBER 2024

TERENGGANU INC DENGAN BANGGANYA BEKERJASAMA DENGAN UNIVERSITI INCEIF DALAM MENYOKONG PROJEK PEMBELAJARAN BERASASKAN TINDAKAN (ACTION-BASED LEARNING, ABL), KHUSUSNYA DALAM USAHA MEMAJUKAN PENYELESAIAN KEWANGAN PATUH SYARIAH YANG MEMBERIKAN IMPAK POSITIF KEPADA MASYARAKAT.



menyediakan mekanisme pembiayaan mampan yang mampu memberi manfaat berpanjangan kepada masyarakat.

Pengiktirafan ini menyerlahkan komitmen Terengganu Inc untuk menerajui kelestarian kewangan yang sejajar dengan nilai-nilai Islam. Kerjasama ini mencerminkan hasrat bersama dalam membentuk masa depan di mana aset wakaf berfungsi sebagai alat utama untuk kemajuan masyarakat.

Terengganu Inc dengan bangganya bekerjasama dengan Universiti INCEIF dalam menyokong Projek Pembelajaran Berasaskan Tindakan (Action-Based Learning, ABL), khususnya dalam usaha memajukan penyelesaian kewangan patuh Syariah yang memberikan impak positif kepada masyarakat.

Salah satu projek utama yang disokong, iaitu Pembangunan Model Perkongsian Wakaf Patuh Syariah untuk Amanah Saham PUTB, telah meraih Anugerah Kecemerlangan ABL yang berprestij. Model inovatif ini bukan sahaja mencipta penanda aras baharu dalam kewangan berasaskan wakaf, tetapi juga

## KERJASAMA STRATEGIK TERENGGANU INC DAN MB HOLDING LLC OMAN PERKUKUH EKONOMI NEGERI

08 NOVEMBER 2024

Terengganu Inc telah memeterai dua Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MB Holding LLC dari Oman. Perjanjian ini bertujuan meneroka potensi kerjasama industri di negeri ini, yang meliputi sektor minyak dan gas, kesihatan, pelancongan, pembuatan, serta pembangunan lestari.

MB Holding LLC merupakan sebuah konglomerat multinasional yang berpangkalan di Oman dengan penglibatan dalam pelbagai bidang seperti minyak dan

gas, kejuruteraan marin, perlombongan, pembuatan, dan hartanah di lebih 20 negara. Majlis menandatangani MoU berlangsung di Muscat, Oman, dengan fokus utama pada pembangunan bersama dalam sektor strategik, termasuk tenaga dan minyak serta gas hulu. Kerjasama ini bertujuan menggabungkan kepakaran kedua-dua pihak dalam melaksanakan projek lestari dan memberi manfaat bersama.

MoU pertama antara Terengganu Inc dan anak syarikat MB Holding LLC, Petrogas E&P Oman, melalui Petrogas Sisma Energy, akan

memfokuskan pada kerjasama dalam sektor minyak dan gas hulu di Terengganu. Petrogas E&P memiliki pengalaman luas dalam pengurusan Late Life Assets di Eropah, Timur Tengah, dan Afrika dengan kapasiti pengeluaran harian mencecah 100,000 tong. MoU kedua pula, bertujuan memperluaskan eksplorasi sektor penting dan berpotensi antara kedua-dua pihak, telah ditandatangani oleh YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu merangkap Pengerusi Terengganu Inc, dan Dr Mohamed Al Barwani, Pengerusi MB Holding LLC.



# CORPORATE DIRECTORS PROGRAMME 2024 : MENGIKTIRAF PENCAPAIAN CEMERLANG ANAK SYARIKAT

10 SEPTEMBER 2024

TERENGGANU INCORPORATED SDN BHD (TERENGGANU INC), SYARIKAT INDUK PELABURAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU, TELAH MENGADAKAN MAJLIS TAHUNAN TERENGGANU INC GROUP APPRECIATION AWARD 2024.



Majlis ini merupakan sebahagian daripada Corporate Directors Programme 2024, yang bertemakan "EMPOWERING TOMORROW: INVESTING IN ESG FOR A SUSTAINABLE FUTURE".

Program dua hari yang berlangsung di Duyong Marina Convention Centre ini telah menghimpunkan Ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat kerajaan negeri Terengganu serta tokoh-tokoh korporat terkenal.

Antara tetamu kehormat yang hadir ialah YBhg. Tan Sri Dato' Seri Sir Dr. Jeffrey Cheah, Pengasas

dan Pengerusi Sunway Group; YBhg. Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim, Pengasas dan Pengerusi Weststar Group of Companies; serta Tan Sri Sharifah Zarah Syed Ahmad, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.



1. BEST PERFORMING COMPANY 2023
  - Emas: Golden Pharos Berhad
  - Perak: TDM Berhad
2. MOST PROMISING COMPANY
  - Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn. Bhd.
  - Kuantan Medical Centre Sdn. Bhd.
3. TOP DIVIDEND PAYING COMPANY 2023
  - Emas: Ladang Rakyat Terengganu Sdn. Bhd.
  - Perak: Golden Pharos Berhad
4. TOP CSR CONTRIBUTOR 2023
  - Emas: Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
  - Perak: Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad
5. ESG POSITIVE IMPACT 2023
  - Emas: TDM Berhad
  - Perak: Golden Pharos Berhad



Dalam ucapannya, YAB Menteri Besar berkata, "KEJAYAAN INI MENCERMINKAN KOMITMEN KUMPULAN TERENGGANU INC DALAM MEMASTIKAN KEBERHASILAN MAMPAN MELALUI AMALAN TADBIR URUS TERBAIK, KEPIMPINAN YANG BERWIBAWA, SERTA KESUNGGUHAN DALAM MEMBERI IMPAK POSITIF KEPADA MASYARAKAT."

Beliau turut berharap agar syarikat-syarikat yang menerima pengiktirafan ini terus memacu pembangunan negeri, terutama dalam mencapai kelestarian dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dengan pencapaian ini, Kumpulan Terengganu Inc terus menjadi peneraju dalam amalan ESG serta tanggungjawab korporat, sekaligus memastikan pertumbuhan ekonomi mampan dan kemakmuran rakyat Terengganu.



YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar menyatakan bahawa kerjasama ini akan dilaksanakan secara efisien untuk memastikan pembangunan komersial yang lestari. Beliau menekankan fokus kepada sektor minyak dan gas, penjana tenaga, dan industri lain yang mampu membawa manfaat ekonomi jangka panjang kepada Terengganu.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Terengganu Inc, Encik Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun; Ketua Pegawai

Eksekutif Petrogas Sisma, Dr Jamal Yusof; Duta Besar Malaysia ke Oman, Tuan Yang Terutama Shaiful Anuar Mohammad; serta Ketua Strategi dan Perancangan Petrogas E&P LLC Oman, Encik Salim Al Busaidi.

Kerjasama ini mencerminkan komitmen Terengganu untuk memperkukuh hubungan antarabangsa dan meluaskan peluang kerjasama strategik, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat negeri ini.



CDP 2024  
**CORPORATE DIRECTORS' PROGRAMME 2024**  
**EMPOWERING TOMORROW:**  
**INVESTING IN ESG FOR A SUSTAINABLE FUTURE**



**PROGRAM  
 PENGARAH  
 KORPORAT  
 TERENGGANU  
 INC 2024:  
 FOKUS  
 KEPADA  
 PRINSIP ESG**

**11** TERENGGANU  
 INC BERJAYA  
 MENGANJURKAN  
 PROGRAM  
 PENGARAH  
 KORPORAT KUMPULAN  
 TERENGGANU INC 2024  
 YANG MENEKANKAN  
 PRINSIP ESG (ALAM  
 SEKITAR, SOSIAL, DAN  
 TADBIR URUS).

BERTEMPAT DI  
 DUYONG MARINA &  
 RESORT, PROGRAM INI  
 MENAWARKAN ENAM  
 SEGMENT YANG MENARIK  
 DAN PENUH MAKLUMAT  
 DENGAN PENYAMPAIAN  
 OLEH PENCERAMAH YANG  
 BERKALIBER.



**EMPOWERING TOMORROW**  
**INVESTING IN ESG FOR A SUSTAINABLE FUTURE**





Acara kemuncak ialah sesi perbincangan istimewa yang dikendalikan oleh Encik Danial bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategi & Kepimpinan Asia. Panelis terkemuka yang dijemput ialah Tan Sri Dr. Jeffrey Cheah, Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sunway; YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu; dan Tan Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad, bekas Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Program sepanjang hari itu mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada semua peserta dan berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan. Terengganu Inc merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dan berharap untuk menganjurkan program ini lagi pada masa hadapan.



## EPIC BERHAD DAN MRL JALIN KERJASAMA STRATEGIK, PERKASAKAN KETERSAMBUNGAN PANTAI TIMUR

09  
OKTOBER  
2024

EPIC BERHAD DAN  
MALAYSIA RAIL LINK  
SDN BHD (MRL) TELAH  
MENANDATANGANI  
MEMORANDUM

PERSEFAHAMAN (MOU), MENANDAKAN  
SATU LAGI LANGKAH STRATEGIK DALAM  
USAHA MENEROKA KERJASAMA UNTUK  
MENGINTEGRASIKAN OPERASI SYARIKAT  
DENGAN RANGKAIAN PROJEK LALUAN  
REL PANTAI TIMUR ATAU EAST COAST  
RAIL LINK (ECRL)

Majlis yang berlangsung di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu, tersebut disaksikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Tuan Loke Siew Fook, dan Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar.

MoU yang dimeterai ini menggariskan komitmen kedua-dua pihak untuk menggalakkan kerjasama dalam beberapa bidang utama berkaitan bagi mempromosikan kecekapan pengangkutan dan pengendalian kargo. Ini termasuk integrasi operasi logistik EPIC Berhad dengan rangkaian ECRL, khasnya di laluan sambungan Pelabuhan Kemaman. Dengan menggabungkan kekuatan



rel dan pelabuhan, perkongsian kepakaran ini dijangka membuka peluang komersial baharu, meningkatkan kesalinghubungan serantau dan mendorong pertumbuhan ekonomi di Terengganu, bertepatan dengan pelan induk pembesaran Pelabuhan Kemaman.

Projek ECRL, merentasi Semenanjung Malaysia menerusi landasan kereta api elektrik sepanjang 665 kilometer dari Kota Bharu, Kelantan, ke Pelabuhan Klang, Selangor, bakal memainkan peranan penting sebagai jambatan darat, menghubungkan hab-hab industri utama serta membuka laluan terus antara Laut China Selatan dan Selat Melaka. Pengintegrasian laluan ke Pelabuhan Kemaman pula akan melancarkan pergerakan kargo, mengurangkan kos pengangkutan dan memperkukuh kedudukan Terengganu sebagai pemain industri terkemuka.

Ketika acara berlangsung, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad, Ts. Haji Muhtar Suhaili, dan Ketua Pegawai Eksekutif MRL, YBhg. Dato' Sri Darwis Abdul Razak, menandatangani memorandum mewakili organisasi masing-masing. Ts. Haji Muhtar, ketika berucap, menyatakan keterujaan dan menekankan kepentingan

kerjasama terbabit, khususnya dengan kewujudan laluan sambungan ECRL ke Pelabuhan Kemaman, bukan sahaja berpotensi untuk memacu kepelbagaian operasi Kumpulan EPIC, terutamanya bagi segmen pengurusan pelabuhan, tetapi juga landskap ekonomi Terengganu.

YBhg. Dato' Sri Darwis pula berkata bahawa pemeteraian MoU dengan EPIC Berhad, penyedia penyelesaian minyak dan gas bersepadu serta pengendali terminal pelabuhan, akan memudahkan pengangkutan rel yang keberkesanan kos serta efisien untuk syarikat penghantaran menggunakan Pelabuhan Kemaman, yang merupakan antara pelabuhan laut terdalam di Malaysia.

MRL bersama EPIC Berhad akan mengenal pasti keperluan logistik dan pengendalian untuk pelbagai jenis kargo yang akan melengkapkan ECRL sebagai infrastruktur nasional berdaya maju, serta Pelabuhan Kemaman sebagai pelabuhan beroperasi sepanjang tahun tanpa mengira keadaan cuaca. Kedua-dua pihak juga akan secara aktif mencari peluang sinergi untuk mencipta nilai tambah dalam merealisasikan potensi penuh operasi masing-masing.



## KERJASAMA EPIC BERHAD DAN QASWA HOLDINGS TINGKATKAN INDUSTRI MARITIM, MINYAK DAN GAS MALAYSIA-BRUNEI

01  
NOVEMBER  
2024

EPIC Berhad telah menandatangani Surat Hasrat (LoI) bersama Qaswa Holdings Sdn Bhd (Qaswa), anak syarikat Adinin Group of Companies, untuk meneroka peluang kerjasama strategik dalam Kluster Maritim Brunei Darussalam.

Majlis pemeteraian LoI berlangsung di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Brunei Darussalam, disaksikan oleh YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu; YB Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Brunei; serta TYT Datuk Mohd Aini Atan, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Darussalam.

Kerjasama ini merangkumi potensi penglibatan EPIC Berhad dalam pengoperasian limbungan penyelenggaraan marin (MMY) dan limbungan penyahtauliah (DY) bersepadu pertama di Brunei. Projek yang dibangunkan di Pulau Muara Besar ini melibatkan konsortium yang terdiri daripada Qaswa, Dana Modal Pembangunan Strategik Brunei, dan dua syarikat teknikal utama, Dongil Shipyard Co Ltd dari Korea Selatan dan CessCon Decom Ltd dari UK. Fasilitas ini dijangka beroperasi sepenuhnya pada 2026 sebagai pusat perkhidmatan marin lestari serantau.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad, Ts. Haji Muhtar Suhaili, menyatakan bahawa usaha ini membuka lembaran baharu untuk syarikat dalam memperluaskan jejak antarabangsa dan kepakaran industri. Beliau menambah bahawa kerjasama ini sejajar dengan strategi pertumbuhan EPIC Berhad, khususnya dalam sektor maritim dan penyahtauliah yang inovatif.

Kerjasama ini juga melengkapkan pembangunan Fasilitas Kitar Semula Kapal Hijau (GSRF) EPIC Berhad di Pelabuhan Kemaman, yang bakal menjadi pusat rujukan dalam pengurusan kapal secara lestari di Malaysia.



Sementara itu, Pengurus Besar Qaswa, Hafriz Fayadh Musa, menyifatkan LoI ini sebagai pencapaian penting dalam memanfaatkan potensi kerjasama strategik. Menurut beliau, jalinan ini akan memberi manfaat besar kepada sektor minyak dan gas serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi mampan Brunei.

Susulan LoI ini, kedua-dua pihak akan terus meneroka peluang pelaburan dan perkongsian kepakaran, selaras dengan usaha memacu kualiti perkhidmatan demi manfaat pihak berkepentingan masing-masing.

## EOGSB DAN UMT METERAI KERJASAMA, LAKSANA PROGRAM 2U2I



EPIC OG Sdn Bhd (EOGSB), anak syarikat EPIC Berhad, telah menjalin kerjasama strategik bersama Universiti Malaysia Terengganu (UMT), khasnya bagi pelaksanaan Program 2u2i. Perkongsian kepakaran merentasi institusi pendidikan tinggi dan syarikat industri ini secara rasminya digerakkan dengan pertukaran dokumen memorandum persefahaman (MoU) menerusi sebuah majlis yang berlangsung di Dewan Sultan Mizan, UMT, sempena Industry & Career Expo (ICE) 2024 awal hari ini.

2u2i adalah program pembelajaran berasaskan pekerjaan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi

bagi memberi pendedahan industri kepada pelajar dengan menggabungkan dua tahun pembelajaran akademik di universiti dan dua tahun penempatan bersama syarikat industri. Inisiatif ini bertujuan untuk mempersiapkan pelajar dengan pengetahuan teori dan praktikal, sekaligus meningkatkan potensi graduan apabila mereka memasuki alam pekerjaan.

Ketika pertukaran dokumen MoU, EOGSB diwakili oleh Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC, yang turut menerima watak pelantikan sebagai Malim Industri, berkuatkuasa 01 Oktober lalu. UMT pula diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim. Acara ini disaksikan oleh Profesor Dr. Mohamad Salmi Mohd Sohod, Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, dan Profesor Dr. Fauziah Abu Hasan, Pro Naib Canselor (Industri, Masyarakat dan Strategi) UMT. Hadir sama ialah Haji Mohamad Irwan Abdul, Pengurus Besar Tenaga, dan Encik Rusdi Ngah, Pengurus Besar Komunikasi Korporat dan HSSEQ.

Jalinan kolaborasi merentasi sektor pendidikan dan industri, khasnya di sektor minyak dan gas, ini diharap dapat merencanakan pembangunan modal insan sekali gus melahirkan tenaga kerja serba mahir bagi memenuhi keperluan semasa serta memacu pembangunan ekonomi secara mampan.

# TDM TERIMA PENARAFAN ESG TERTINGGI: ANTARA 5 SYARIKAT PERLADANGAN TERBAIK



**03 JULAI 2024**

TDM dengan bangganya mengumumkan pencapaian mereka memperoleh penarafan 3 bintang dalam Indeks FTSE Bursa Malaysia, berdasarkan ulasan semula separuh tahun pada Jun 2024. TDM berada di antara 5 syarikat perladangan teratas yang menerima penarafan tertinggi daripada sejumlah 39 syarikat perladangan yang disenaraikan. Ini menandakan bahawa TDM berada dalam kelompok Syarikat yang terbaik dan setanding dengan syarikat-syarikat terkemuka lain seperti KLK Berhad, IOI Corporation, SD Guthrie Berhad, dan TH Plantations Berhad.

TDM telah disenaraikan dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan Indeks FTSE4Good Shariah Bursa Malaysia berdasarkan ulasan Disember 2023 dan berjaya mengekalkan kedudukan dalam kedua-dua indeks tersebut. Penarafan ini merupakan pencapaian penting bagi TDM kerana ia membantu membina kepercayaan dan keyakinan pemegang taruh, termasuk pelabur, pelanggan, pekerja, dan orang awam.

Pencapaian ini juga menjadi penanda aras bagi TDM untuk terus maju ke arah kelestarian dan kejayaan jangka panjang dengan secara konsisten dengan mempertingkatkan amalan ESG sdi dalam pelaksanaan pengoperasian mereka.

# TDM DIANUGERAHKAN 'COMPANY OF THE YEAR' DALAM KATEGORI PERLADANGAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN DI ANUGERAH KEPIMPINAN KELESTARIAN 2024



**19 JULAI 2024**

TDM telah dianugerahkan sebagai 'Company of the Year' dalam kategori Perladangan dan Penjagaan Kesihatan di Anugerah Kelestarian & CSR Malaysia 2024. Majlis anugerah tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat, yang turut menyampaikan anugerah kepada para pemenang.

Haji Mohd Mardi Ismail, Ketua Pengurusan Risiko, Integriti, Pematuhan & Kelestarian TDM Berhad, telah mewakili syarikat untuk menerima anugerah berprestij tersebut di acara yang diadakan di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.

Anugerah ini merupakan pengiktirafan terhadap komitmen TDM dalam mengamalkan kelestarian dan tanggungjawab sosial korporat (CSR). Ia mencerminkan usaha berterusan dan dedikasi TDM dalam mengintegrasikan



prinsip Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) ke dalam operasi perladangan dan penjagaan kesihatan syarikat. Pengiktirafan ini bukan sahaja mengukuhkan reputasi TDM, tetapi juga menguatkan peranannya sebagai syarikat yang bertanggungjawab terhadap komuniti dan alam sekitar. TDM bertekad untuk terus memimpin dalam usaha kelestarian demi menjaga masa depan planet kita.





# TDM TANDATANGANI PERJANJIAN PROGRAM SUKUK WAKALAH BERSAMA AFFIN DAN MAYBANK

**22**  
OKTOBER  
2024

TDM Berhad hari ini mengumumkan pemeteraian Perjanjian Program Sukuk Wakalah bersama Affin Hwang Investment Bank Berhad dan Maybank Investment Bank Berhad. Majlis pemeteraian perjanjian tersebut telah berlangsung di DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur, menandakan pencapaian penting dalam strategi kewangan TDM untuk mencapai pertumbuhan mampan dan kecekapan operasi jangka panjang.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh YBM Tengku Seri Bijaya Raja, Pengerusi TDM merangkap Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu; Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM; Dato' Paduka Syed Mashafuddin Syed Badarudin, Ketua Pegawai Eksekutif Affin Islamic Bank Berhad; Tengku Ariff Azhar Tengku Mohamed, Pegawai Bertanggungjawab merangkap Ketua Pegawai



Operasi Maybank Investment Bank Berhad; Zainudin Suhaimi, Ketua Pegawai Eksekutif Amanahraya Trustees Berhad; dan Priya Sirisena, Rakan Kongsi di firma guaman Adnan Sunda & Low.

Program ini memberikan fleksibiliti kepada TDM untuk menerbitkan Islamic Medium-Term Notes (IMTN) berdasarkan prinsip Syariah Wakalah Bi Al-Istithmar. Penerbitan ini boleh dinilai (rated) atau tidak dinilai (unrated), serta dalam bentuk nota terjamin (secured) atau tidak terjamin (unsecured). Inisiatif ini bertujuan mengoptimumkan struktur kewangan TDM, menyokong pertumbuhan masa depan, dan mengukuhkan modal operasi.

Melalui Program Sukuk Wakalah, TDM dapat meningkatkan keupayaan kewangan untuk memacu pertumbuhan sektor perladangan serta memperluaskan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Pemeteraian perjanjian ini menandakan permulaan baharu dalam usaha TDM memperkukuh daya tahan kewangan dan memastikan pertumbuhan jangka panjang.

Dengan sokongan berterusan daripada rakan kewangan dan pihak berkepentingan, TDM komited untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kelestarian komuniti tempat ia beroperasi.



# RETREAT LEMBAGA PENGARAH & PENGURUSAN TDM BERHAD

**27**  
OKTOBER  
2024

27 Ogos 2024 – TDM telah berjaya menganjurkan 'Retreat Lembaga Pengarah & Pengurusan TDM Berhad', iaitu satu program yang diadakan selama tiga hari di Parkroyal Langkawi Resort. Retreat ini melibatkan 52 peserta, termasuk ahli lembaga pengarah dan pihak pengurusan dari bahagian korporat, perladangan, dan penjagaan kesihatan. Fokus utama program ini adalah pada 'Pelan Perniagaan Strategik & Bajet 2025 - 2030', dengan penekanan khusus pada 'Arah & Keutamaan untuk 2025'.

Satu pelan strategik yang komprehensif dan fokus telah dibangunkan dan diperhalusi untuk memastikan TDM kekal sebagai peneraju dalam industri. Pelan



ini menekankan pertumbuhan mampan, peningkatan kecekapan, dan pengukuhan keuntungan. TDM bukan sahaja bercita-cita untuk mencapai kejayaan komersial, tetapi juga memberikan manfaat kepada pekerja, pemegang taruh serta komuniti di mana TDM beroperasi.

Dengan tekad dan usaha bersama, Kumpulan TDM yakin bahawa organisasi ini akan terus maju dan mencapai semua matlamat yang telah ditetapkan.



Komitmen dan dedikasi yang dikongsi oleh semua pihak terlibat akan menjadi pemangkin kepada kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.

# SATU WATER RAIKAN MAJLIS SAMBUTAN JUBLI PERAK 25 TAHUN

**10**  
SEPTEMBER  
2024

SYARIKAT AIR  
TERENGGANU  
SDN. BHD. (SATU)  
BUAT JULUNG  
KALINYA HARI INI  
MERAIKAN MAJLIS SAMBUTAN  
JUBLI PERAK SEMPERA 25  
TAHUN PENGKORPORATAN  
YANG DIADAKAN DI PUSAT  
KONVENSYEN, TAMAN TAMADUN  
ISLAM.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu. Turut hadir adalah Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Nor bin Hamzah, Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu; Yang Berhormat Mulia Tengku Sri Bijaya Raja, Setiausaha Kerajaan Negeri; Yang Berhormat Tuan Haji Hanafiah bin Mat, Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Utiliti dan Pembangunan Luar Bandar; serta Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Lembaga Pengarah, dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri.



Sempena sambutan Jubli Perak 25 tahun ini, SATU menampilkan pelbagai program menarik, termasuk pembukaan 10 buah ruai yang mewakili setiap jabatan operasi di SATU. Selain itu, turut diadakan adalah lawatan khas para penuntut IPTA dan pelajar sekolah ke Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Berapit, yang dijadualkan berlangsung pada hari Khamis ini.

Majlis sambutan hari ini turut meraikan 41 penuntut IPTA di Terengganu, 40 pelajar sekolah, serta 200 orang warga kerja SATU, termasuk mereka yang telah berkhidmat selama 25 tahun.

# SATU RAIH ANUGERAH EMAS TOP CSR CONTRIBUTOR 2023 DI CDP 2024

**10** SEPTEMBER 2024  
 SATU DENGAN RASA BANGGA TELAH MENERIMA TOP CSR CONTRIBUTOR 2023 GOLD AWARD DALAM MAJLIS TERENGGANU INC GROUP CORPORATE DIRECTORS PROGRAMME 2024 (CDP 2024) YANG BERLANGSUNG DI DUYUNG MARINA RESORT



Sebelum ini, SATU turut merangkul anugerah yang sama pada CDP 2022, membuktikan konsistensi syarikat dalam menyumbang kepada masyarakat.

Pada tahun 2023, SATU telah menyalurkan sumbangan berjumlah RM2.4 juta kepada pelbagai kategori tanggungjawab sosial korporat (CSR) termasuk komuniti, pendidikan, sukan, keagamaan, dan inisiatif lain yang memberi impak besar kepada rakyat Terengganu.

Majlis berprestij ini dihadiri oleh tokoh-tokoh terkemuka seperti YAB Dato' Seri Ir Dr Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu; Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Sir Dr Jeffrey Cheah, Pengasas & Pengerusi Sunway Group; Y. Bhg. Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim, Pengasas &

Pengerusi Weststar Group of Companies; serta Tan Sri Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia.

Saban tahun, SATU terus memainkan peranan penting melalui inisiatif CSR seperti subsidi air untuk masjid dan surau berdaftar di seluruh Terengganu, subsidi untuk golongan berpendapatan rendah, serta pelbagai program bermanfaat yang diadakan sepanjang tahun.

Pencapaian ini menjadi inspirasi dan dorongan buat SATU untuk terus komited menyumbang kepada komuniti dengan lebih cemerlang pada masa hadapan.

# SATU CEMERLANG DALAM AMALAN INTEGRITI DAN TATAKELOLA



Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU), melalui Unit Integriti & Governans (IGU), berbesar hati apabila dipilih sebagai salah satu unit IGU yang menampilkan inisiatif amalan baik untuk diterbitkan dalam Buku Amalan Baik Inisiatif Pencegahan Rasuah, Integriti dan Tatakelola oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Kompilasi Amalan Baik Inisiatif Pencegahan Rasuah, Integriti dan Tatakelola Unit Integriti & Governans (IGU) Edisi 2024 bertujuan memaparkan usaha dan inisiatif pegawai-pegawai IGU dalam mengekang rasuah serta pelanggaran etika. Ini dilaksanakan melalui aktiviti pengukuhan integriti dan penambahbaikan sistem serta prosedur organisasi di Malaysia.

Buku ini, yang dihasilkan dalam bentuk infografik, mengandungi 44 inisiatif dan program integriti yang dikongsi secara sukarela oleh 26 unit IGU di seluruh negara. Ia menjadi rujukan penting dalam usaha membanteras rasuah dan memperkukuhkan integriti organisasi.

# SATU PERKUKUH PENGLIBATAN MELALUI DIALOG BELANJAWAN 2025



PETRA dengan pihak berkepentingan dan pemegang taruh bagi merangka cadangan Inisiatif Belanjawan 2025 yang menyeluruh, inklusif, dan mengambil kira pandangan semua pihak.

Acara ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA, dengan kehadiran pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), pemain industri, serta syarikat-syarikat yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung dengan PETRA.

Dalam sesi dialog yang dibentangkan oleh Dato' Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri, Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor Air) PETRA, serta Dato' Mohamad Razif bin Haji Abdul Mubin, Timbalan Ketua Setiausaha

(Tenaga) PETRA, Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Haji Abdul Karim bin Endut, telah berpeluang menyuarakan pandangan. Antara cadangan beliau termasuklah kajian terhadap inisiatif untuk mengimbangi kadar tarif dengan kos jualan dan pentadbiran, memandangkan kadar tarif semasa masih rendah berbanding kos operasi sebenar, serta mempercepat proses imbuhan balik dalam Program Air Tidak Terhasil (NRW) Kebangsaan.

Melalui usaha ini, diharapkan Inisiatif Belanjawan 2025 akan memberikan manfaat besar kepada sektor tenaga dan air, serta memperkukuhkan keberkesanan sektor ini dalam memastikan kesejahteraan rakyat dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

SATU dengan penuh komitmen telah menyertai Dialog Belanjawan 2025 yang dianjurkan oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bertempat di Lee Moggie Convention Centre, Bangsar, hari ini. Dialog ini merupakan inisiatif libat urus antara



## SATU MENANDATANGANI PERJANJIAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI DENGAN GSPARX

SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD (SATU) TELAH MENJALIN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN GSPARX SDN BHD, SUBSIDIARI DI BAWAH TENAGA NASIONAL BERHAD, MELALUI MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBELIAN TERUS BAGI TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI.

Majlis berprestij ini telah disempurnakan dengan kehadiran YB Dato' Zulkifli bin Ali, Pegawai Kewangan Negeri Terengganu merangkap Ahli Lembaga Pengarah SATU; YB Ir. Saiful Azmi bin Suhaili, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Perumahan & Kerajaan Tempatan Terengganu; YB Hj Mohd Zawawi bin Ismail, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Utiliti dan Pembangunan Luar Bandar; serta Encik Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, bersama dif-dif kehormat yang lain.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Ts. Hj. Abdul Karim bin Endut, Ketua Pegawai Eksekutif SATU, dan En. Elmie Fairul bin Mashuri, Pengarah Urusan GSPARX Sdn Bhd, mewakili syarikat masing-masing.

Projek solar ini melibatkan tiga loji rawatan air utama, iaitu Loji Rawatan Air Bukit Sah, Loji Rawatan Air Kepong I & II, serta Loji Rawatan Air Hulu Terengganu. Inisiatif ini mencerminkan komitmen SATU dalam mengamalkan praktis mesra alam yang menyokong kelestarian alam sekitar.

Kerjasama ini merupakan langkah strategik ke arah penggunaan tenaga hijau dan usaha kolektif untuk membina masa depan yang lebih lestari bagi rakyat Malaysia.



# PENGHORMATAN DIRAJA: LAWATAN DYMM SULTANAH NUR ZAHIRAH KE JAMBATAN ANGKAT KUALA TERENGGANU

25  
OKTOBER  
2024

TI PROPERTIES SDN BHD BERBESAR HATI MENERIMA KUNJUNGAN DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH NUR ZAHIRAH, SULTANAH TERENGGANU, KE JAMBATAN ANGKAT KUALA TERENGGANU PADA PETANG JUMAAT, 25 OKTOBER 2024.

**LAWATAN INI DISAMBUT MERIAH OLEH SELURUH WARGA KERJA TI PROPERTIES DIKETUAI OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, TUAN HAJI AWASI BIN MOHAMAD.**

**PENGALAMAN UNIK DI JAMBATAN ANGKAT** KDYMM Sultanah Terengganu memulakan lawatan di ruang santai Menara Selatan Jambatan Angkat, yang menawarkan pemandangan panorama 360 darjah muara Sungai Terengganu dari Sky Bridge ikonik. Lawatan ini turut diserikan



dengan pameran khas yang memaparkan kekayaan budaya tempatan, termasuk batik, kraf tangan tradisional, dan juadah tempatan. KDYMM Sultanah Terengganu turut meluangkan masa beramah mesra dengan penggiat seni dan usahawan tempatan, menzahirkan penghargaan mendalam terhadap warisan budaya negeri.

Antara detik istimewa lawatan ini ialah pengalaman KDYMM Sultanah Terengganu berjalan di atas lantai kaca, yang memberikan pandangan unik ke bawah Drawbridge dan PileCap Café. KDYMM Sultanah Terengganu memuji inovasi seni bina serta keindahan landskap di sekitar mercu tanda tersebut.

#### MERAIKAN INOVASI DAN KEJAYAAN

Kemuncak acara adalah demonstrasi langsung pembukaan bascule Drawbridge yang menjadikan Jambatan Angkat sebagai mercu tanda utama di Asia Tenggara. Kehadiran KDYMM Sultanah Terengganu menyerlahkan kepentingan mercu tanda ini dalam mengangkat Terengganu sebagai hab pelancongan dan budaya bertaraf dunia.

#### PENGIKTIRAFAN DAN SAMBUTAN BERMAKNA

Menambah seri acara, KDYMM Sultanah Terengganu turut menyempurnakan penyampaian hadiah berupa emas kepada Puan Suriani Binti Sulleh, pengunjung ke-500,000 Jambatan Angkat. Penghormatan ini diraikan dalam sesi Santapan Petang eksklusif di Menara Utara Jambatan Angkat.

TI Properties Sdn Bhd merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada DYMM Sultanah Nur Zahirah atas lawatan diraja ini dan penghormatan yang dikurniakan kepada Jambatan Angkat Kuala Terengganu. Kehadiran KDYMM Sultanah Terengganu telah meninggalkan kesan mendalam serta memperkukuh komitmen TI Properties untuk terus menjunjung inovasi, memelihara warisan budaya, dan mencapai kecemerlangan.

# KUNJUNGAN HORMAT: MEMPERKUKUH KERJASAMA UNTUK PERKHIDMATAN PENGURUSAN ASET BERKUALITI DAN LESTARI



Hadir bersama beliau ialah YM Raja Zirwatul Adawiah Raja Ibrahim, Pemangku Pengurus Besar (Operasi); Farhana Adila Mohamad Yunus, Pengurus Inovasi Korporat & Strategi; dan Khairul Nizam Mohd Yusof, Pengurus Pengurusan Aset dan Fasilitas.

termasuk penyelenggaraan, pembaikan, dan operasi harian. Ini merangkumi pengurusan peralatan teknikal, kebersihan, keselamatan, dan memastikan keselesaan kakitangan serta pengunjung.

Kunjungan ini adalah untuk memperkukuh hubungan antara Kerajaan Negeri dan anak syarikatnya, TI Properties, serta meningkatkan kerjasama dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan aset yang berkualiti dan lestari.

Melalui usaha kerjasama ini, TI Properties terus komited untuk menyokong matlamat Kerajaan Negeri dalam memastikan pengurusan aset yang profesional dan mampan, sekali gus memacu pembangunan yang lebih mampan di Terengganu.

TI Properties menawarkan perkhidmatan pengurusan bangunan yang menyeluruh,

**11**  
OKTOBER  
2024

TI Properties Sdn Bhd mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Ab Rasid Bin Jusoh, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) atas sambutan mesra semasa kunjungan hormat yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif TI Properties, Encik Awasi bin Mohamad.

## MAJLIS MENANDATANGANI MOU ANTARA TI PROPERTIES & XENERGI SDN BHD



**26**  
JUN  
2024

TI Properties, telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) untuk bekerjasama dalam mempromosikan penyelesaian tenaga mampan. Majlis menandatangani tersebut diadakan di Ibu Pejabat TI Properties dan menandakan permulaan perkongsian strategik yang bertujuan untuk memajukan kecekapan tenaga dan kelestarian dalam Pengurusan Harta dan Kemudahan.

Turut hadir di majlis tersebut adalah Tuan Haji Awasi bin Mohamad, Pemangku Pengurus Besar, YM Raja Zirwatul Adawiah Raja Ibrahim, Pengarah Utusan Xenergi Sdn Bhd, Ir. Mohd Fadzil Ahmad Shah, dan Pengarah Urusan Xenergi Sdn Bhd, Enck Mohamad Nagib Sulaiman.

MOU ini menggariskan komitmen kedua-dua organisasi untuk bekerjasama dalam

projek yang meningkatkan kecekapan tenaga, menggabungkan sumber tenaga boleh diperbaharui, dan mempromosikan amalan bangunan hijau. Perkongsian ini mewakili langkah penting ke arah mencapai matlamat pembangunan mampan dan memperkukuhkan komitmen kedua-dua syarikat terhadap penjagaan alam sekitar dan kecekapan tenaga.

## HI-TEA EKSKLUSIF: TI PROPERTIES, PENYELESAIAN ENERGI HIJAU ANDA

**16**  
JULAI  
2024

TI PROPERTIES  
MENGADAKAN SESI  
HI-TEA EKSKLUSIF  
BERSAMA KETUA  
PEGAWAI EKSEKUTIF,  
TUAN HAJI AWASI BIN MOHAMAD  
BERSAMA XENERGI SDN BHD DAN  
ANAK-ANAK SYARIKAT KUMPULAN  
TERENGGANU INC

Majlis ini diadakan di ELYSIUM @ Jambatan Angkat Kuala Terengganu pada 16 Julai 2024.

Majlis ini bertujuan untuk memperkenalkan TI Properties sebagai penyedia penyelesaian tenaga hijau, yang menentuai dan menyelaraskan projek tenaga boleh diperbaharui, dari peringkat konsepsi hingga pelaksanaan dan pemantauan.

Melalui usaha ini, TI Properties menunjukkan komitmen teguh terhadap kelestarian dan kecemerlangan dalam penyelesaian tenaga hijau sebagai penyedia penyelesaian tenaga

yang inovatif dan mampan, memberikan sumbangan positif kepada alam sekitar.

Pemandangan yang menakjubkan dari lokasi yang menghadap Laut China Selatan melengkapkan sesi Hi-Tea. Kami berharap sesi ini akan diadakan lagi di masa hadapan kerana ia membantu mengukuhkan hubungan dalam Kumpulan dan mempromosikan komitmen kami terhadap kelestarian alam sekitar.



## PENEROKAAN BAHARU DALAM PENJAGAAN KESIHATAN: TI PROPERTIES DAN STRANDS ENGINEERING MENANDATANGANI MOU UNTUK PERKHIDMATAN BIOMEDIKAL



**18**  
SEPTEMBER  
2024

TI Properties, anak syarikat Kumpulan Terengganu Inc. telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Strands Engineering bagi menyediakan perkhidmatan sokongan kejuruteraan bioperubatan. Kerjasama ini bertujuan untuk memacu pertumbuhan sektor penjagaan kesihatan di Terengganu sambil menyokong matlamat kemampan melalui amalan Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG).

Majlis menandatangani MoU tersebut telah disempurnakan oleh wakil daripada kedua-

dua organisasi iaitu Tuan Haji Awasi bin Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif TI Properties, dan Dato' Mohamed Suffian bin Awang, Pengerusi Strands Engineering Sdn Bhd.

Turut menyaksikan majlis tersebut ialah Encik Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc. yang menandakan kemuncak kepada beberapa perbincangan bagi membentuk kerjasama strategik yang kukuh. Melalui kerjasama

ini, perkhidmatan penyelenggaraan peralatan perubatan, kalibrasi, dan perkhidmatan dobi akan ditawarkan kepada hospital dan klinik di rantau ini.

Dengan menggabungkan kehadiran tempatan TI Properties dan kepakaran teknikal Strands Engineering, kerjasama ini meletakkan TI Properties sebagai pemain utama dalam industri biomedikal yang berkembang pesat di Terengganu.



# TI PROPERTIES KEMBANGKAN PASARAN DI MALAYSIA DAN RANTAU ASEAN



**25**  
JULAI  
2024

TI Properties bersama beberapa anak syarikat di bawah Kumpulan Terengganu Inc telah berjaya menyertai Selangor International Business Summit (SIBS): Selangor Industrial Park Expo (SPARK) 2024 yang berlangsung dari 25 hingga 27 Julai di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Penyertaan ini bertujuan untuk memanfaatkan interaksi dengan pihak berkepentingan bagi mengenal pasti peluang pelaburan baharu, mengukuhkan hubungan sedia ada, serta mempromosikan pelbagai perkhidmatan dan projek yang diuruskan oleh TI Properties.

Penyertaan strategik ini mencerminkan komitmen teguh TI Properties untuk memperkukuhkan kehadiran pasaran bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau ASEAN.

## MEMANTAPKAN KOLABORASI STRATEGIK: TI PROPERTIES TEROKA PELUANG DI SARAWAK



**18**  
OGOS  
2024

TI Properties, bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), telah menyertai lawatan kerja ke Kuching, Sarawak dari 18 hingga 21 Ogos 2024. Lawatan ini bertujuan untuk memberikan TI Properties pemahaman yang lebih mendalam mengenai strategi pembangunan ekonomi dan pelancongan yang sedang dilaksanakan di Sarawak.

Objektif utama lawatan ini adalah untuk mempelajari amalan terbaik yang boleh diadaptasi dan dilaksanakan dalam unit perniagaan di bawah pengawasan TI Properties. Langkah ini dijangka dapat merangsang pertumbuhan ekonomi serta memajukan sektor pelancongan di Terengganu.



## CHICKEN COTTAGE BUKA CAWANGAN KE- 67 DI CAMDEN TOWN, LONDON

**13**  
NOVEMBER  
2024

Chicken Cottage, anak syarikat Kumpulan Terengganu Inc, telah membuka cawangan ke-67 di Camden Town, London, bersempena ulang tahun ke-30 jenama makanan segera halal tersebut. Majlis perasmian disempurnakan oleh Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Chicken Cottage, Greg Milne, dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke UK, Datuk Zakri Jaafar.

Cawangan baharu ini adalah yang ke-10 dibuka pada 2024, melengkapai rangkaian

restoran lain di UK seperti Carnoustie, Hemel Hempstead, dan Hounslow East. Chicken Cottage kini memiliki lebih 60 cawangan di bandar-bandar utama UK termasuk London, Glasgow, dan Oxford.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun, menyatakan Chicken Cottage optimis mengukuhkan kedudukan di pasaran UK walaupun berdepan cabaran global. Pembukaan cawangan ini bukan sahaja memperluas jenama di peringkat antarabangsa tetapi juga membuka peluang pekerjaan serta menyumbang kepada ekonomi tempatan.

Dua lagi cawangan dijadualkan dibuka di Oban dan Brixton sebelum akhir tahun ini, dikendalikan oleh Mohammed Adebola Sheidu, usahawan dari Nigeria.



# PENGERUSI GOLDEN PHAROS BERHAD LAWAT TAPAK PENGURUSAN HUTAN SIMPAN HULU JENGAI



**27**  
OGOS  
2024

Pengerusi Golden Pharos Berhad, Dato' Haji Yahaya Ali, bersama ahli lembaga pengarah anak syarikat Golden Pharos Berhad telah mengadakan lawatan tapak ke Kompartmen 112 di Hutan Simpan Hulu Jengai, Hulu Paka. Lawatan ini bertujuan untuk memberikan pandangan langsung mengenai pengurusan hutan simpan tersebut oleh Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Sdn Bhd (KPKKT).

Selaras dengan nilai teras syarikat dalam pengurusan hutan mampan, KPKKT, dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu, telah berjaya memelihara dan menguruskan hutan tersebut dengan bertanggungjawab. Lawatan ini penting dalam memperdalam pemahaman ahli lembaga pengarah baharu mengenai operasi mampan syarikat.



# GOLDEN PHAROS BERHAD: KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TERENGGANU (KPKKT) RAIH TEMPAT KEDUA DALAM PERTANDINGAN AMALAN TERBAIK TERENGGANU



Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Trengganu (KPKKT) telah berjaya meraih tempat kedua dalam Pertandingan Amalan Terbaik Terengganu, yang melibatkan penyertaan daripada 42 perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YBrs. Encik Mohammad Nizam bin Ali, Timbalan Pengarah Operasi JKKP Terengganu. Objektif utama pertandingan ini selari dengan Teras Strategik 2 Program 3, yang memberi tumpuan kepada pengumpulan dan perkongsian amalan terbaik dalam Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di tempat kerja.

KPKKT komited untuk melaksanakan amalan keselamatan dan kesihatan yang berkesan berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022. Usaha ini juga menyokong Prinsip 2 pensijilan FSC yang menekankan kepentingan organisasi dalam mengekalkan atau meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi pekerja mereka.



# GOLDEN PHAROS BERHAD RANGKA PERANCANGAN STRATEGIK 2025: "TECH MEETS NATURE: UNLOCKING HIDDEN VALUES"

**19**  
OKTOBER  
2024

Golden Pharos Berhad (GPB) telah mengadakan majlis "Golden Pharos Berhad Group Board Strategic Planning 2025" bertempat di Zenith Hotels & Resorts, Kuantan. Bertemakan "Tech Meets Nature: Unlocking Hidden Values", majlis ini dipimpin oleh Ketua Pegawai Eksekutif GPB, Encik Mohd Roslan bin Mamat.

Agenda utama majlis ini adalah untuk merangka objektif dan matlamat GPB bagi tahun 2025, termasuk usaha mendapatkan pensijilan Forest Stewardship Council (FSC), meneroka peluang perniagaan baharu, serta

mengintegrasikan teknologi moden ke dalam operasi syarikat. Strategi-strategi ini bertujuan untuk memperkukuhkan kedudukan GPB dalam industri, menyokong kelestarian alam sekitar, serta menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.



# MENYAMBUT DETIK BERSEJARAH: SETENGAH JUTA PENGUNJUNG KE JAMBATAN ANGKAT TERENGGANU

25  
JULAI  
2024

TI PROPERTIES SDN BHD DENGAN BANGGA MENGUMUMKAN DAN MERAIKAN PENCAPAIAN BERMAKNA -

KEHADIRAN PENGUNJUNG KE-500,000 ATAU SETENGAH JUTA KE MERCU TANDA IKONIK, JAMBATAN ANGKAT KUALA TERENGGANU.

**PENGHORMATAN INI  
DIBERIKAN KEPADA PUAN  
SURIANI BINTI SULLEH,  
SEORANG ANAK SABAH  
KELAHIRAN TAWAU,  
YANG KINI MENETAP  
DAN BEKERJA DI SERI  
KEMBANGAN, SELANGOR.**



Kunjungan Puan Suriani ke Jambatan Angkat Kuala Terengganu pada Oktober tahun lalu, semasa perjalanan bersama keluarga bagi meraikan ulang tahun kelahiran anaknya dan membantu adik berpindah selepas menamatkan diploma di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), ternyata menjadi satu detik bermakna. Tidak disangka, kunjungan itu menjadikan beliau pengunjung ke-500,000 ke mercu tanda yang mengagumkan ini.

Sebagai pengendali Jambatan Angkat Kuala Terengganu, TI Properties Sdn Bhd berpeluang menghubungi Puan Suriani bagi memaklumkan pencapaian tersebut serta menjemput beliau kembali ke Jambatan Angkat untuk menerima hadiah utama - emas bernilai RM15,000.00. Hadiah tersebut disampaikan dalam satu majlis istimewa yang turut mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu, sekali gus menyenikan lagi sambutan ini.

Pencapaian ini bukan sahaja mencerminkan populariti destinasi ikonik tersebut, malah peranannya dalam mencipta kenangan indah untuk para pengunjung dari seluruh negara.

Bagi Puan Suriani dan keluarganya, hadiah ini menjadi satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan serta hubungan istimewa dengan mercu tanda ini.

TI Properties merakamkan ucapan tahniah kepada Puan Suriani dan penghargaan kepada semua pengunjung yang terus menyokong dan memartabatkan Jambatan Angkat sebagai tarikan utama. Kami berharap dapat menyambut lebih ramai pengunjung ke permata seni bina ini dan mencipta pengalaman bermakna yang akan dikenang sepanjang zaman.





# PRIMULA BEACH RESORT MENANG ANUGERAH "BEST HOTEL FOR SUSTAINABLE PRACTICES"

**26 JULAI 2024** PRIMULA BEACH RESORT TELAH MENERIMA ANUGERAH "BEST HOTEL FOR SUSTAINABLE PRACTICES" SEMENA ANUGERAH INDUSTRI PELANCONGAN (TIA) 2024. PENGIKTIRAFAN INI MERUPAKAN PENCAPAIAN BESAR YANG MENGIKTIRAF USAHA BERTERUSAN PRIMULA DALAM MENERAPKAN AMALAN KELESTARIAN DAN INISIATIF HIJAU.

sisa organik hotel turut memberi manfaat kepada komuniti setempat, khususnya dalam meningkatkan kualiti tanah dan hasil pertanian di kawasan sekitar.

Anugerah ini mengukuhkan prinsip teras Primula bahawa kesejahteraan tetamu dan penjagaan alam sekitar boleh bergerak seiring. Primula komited untuk terus mempertingkatkan program kelestariannya, termasuk menggalakkan penglibatan tetamu dalam inisiatif hijau seperti penggunaan produk mesra alam dan program kesedaran alam sekitar.

Anugerah ini bukan sahaja mencerminkan komitmen pihak hotel terhadap penjagaan alam sekitar, malah menjadi bukti keazaman untuk menambah nilai kepada industri hospitaliti melalui pengurusan lestari yang inovatif.

Pihak hotel merakamkan penghargaan kepada semua individu yang telah menjadi sebahagian daripada perjalanan kelestarian ini. Primula berjanji untuk terus berinovasi dan memperluaskan usaha hijau demi masa depan yang lebih mampan.

Primula Beach Resort percaya bahawa sektor perhotelan bukan sekadar hanya menyediakan penginapan selesa, tetapi juga memainkan peranan penting dalam memelihara kelestarian alam sekitar. Pelbagai program telah diperkenalkan untuk mengurangkan jejak karbon, termasuk pemasangan sistem tenaga solar, stesen pengecas EV, fertigasi, teknologi retort food, serta inisiatif pengurusan sisa yang menyeluruh hingga menghasilkan baja kompos. Penggunaan baja kompos daripada



## PROGRAM KEM JATI DIRI DAN KECEMERLANGAN SPM PERSIAP ANAK-ANAK WARGA KERJA EPIC BERHAD HADAPI PEPERIKSAAN



**18** SEPTEMBER 2024  
 EPIC BERHAD DENGAN JAYANYA TELAH MELABUHKAN TIRAI PROGRAM KEM JATI DIRI DAN KECEMERLANGAN SPM MELIBATKAN 100 ANAK-ANAK WARGA KERJA EPIC BERHAD DI DARUL IMAN TRAINING CENTRE (DITC).

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) julung kali diadakan ini telah dirasmikan oleh Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC.

Pelbagai pengisian dan aktiviti interaktif telah dijalankan sepanjang program berlangsung selama dua hari satu malam yang bukan sahaja memberi fokus kepada persediaan menghadapi peperiksaan tetapi juga kepada pengukuhan sahsiah diri serta pengurusan masa dan tekanan.

Turut sama turun padang ialah Encik Rusdi Ngah, Pengurus Besar Komunikasi Korporat dan HSSEQ, Haji Mohd Sukeri Muhammad, Pengurus Besar Sumber Manusia dan Pentadbiran, dan barisan pengurusan Kumpulan EPIC yang mengambil peluang menyantuni peserta program.

EPIC Berhad komited dalam menyokong pembangunan sektor pendidikan dan berhasrat untuk terus memberi galakan kecemerlangan bukan sahaja buat kalangan warga kerja tetapi juga dalam kalangan ahli keluarga mereka.

## EPIC BERHAD ANJUR PROGRAM INTEGRITI DAN ANTI RASUAH BERSAMA PENGETUA, GURU BESAR DAN PENTADBIR SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI TERENGGANU

**19** SEPTEMBER 2024  
 EPIC Berhad telah menganjurkan Program Integriti dan Anti Rasuah Bersama Pengetua, Guru Besar dan Pentadbir Sekolah-Sekolah Negeri Terengganu melibatkan kira-kira 400 peserta bertempat di Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Marang. Program kelolaan Unit Integriti dan Governans syarikat dengan kerjasama strategik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) ini memberikan penekanan kritikal terhadap pembudayaan integriti dan ketelusan tatakelola selain kesedaran tentang jenayah rasuah.

Sesi perasmian telah disempurnakan oleh Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC, dengan disaksikan oleh KPKPj Tuan Hazrul Shazreen Abd Yazid, Pengarah SPRM Terengganu, dan juga Encik Kamsah @ Kamal Mohamed, Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Dan Pengurusan PPD, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.

Program yang turut disiarkan secara langsung dalam talian tersebut lengkap dengan pengisian berimpak termasuk forum “Wacana Integriti – Integriti Dihayati, Bukan Dikhianati” menampilkan Ts. Haji Muhtar



sebagai salah satu ahli panel dan juga “Perkongsian Integriti – Akalku Koyak, Gawangku Rabak”, kedua-duanya menggariskan kepentingan penglibatan penuh dalam usaha menangani rasuah bukan sahaja dalam kalangan warga pendidik tetapi seluruh anggota masyarakat secara amnya.



# TDM SOKONG MISI KEMANUSIAAN AL AQSA PADA MAJLIS AMAL 365 HARI MEMPERINGATI PERJUANGAN



06 OKTOBER 2024

TDM Berhad telah berpeluang menghadiri Majlis Makan Malam Amal yang dianjurkan oleh Muslim Care Malaysia Society bagi memperingati perjuangan misi kemanusiaan Al Aqsa selama 365 hari. Majlis yang diadakan di Pusat Konvensyen MPAJ, Taman Melawati, Selangor ini bertujuan memperingati setahun ketabahan dan sokongan terhadap mereka yang terkesan akibat krisis kemanusiaan di Palestin.

TDM turut menyumbang dana sebanyak RM20,000 kepada misi ini, mencerminkan komitmen berterusan syarikat dalam menyokong usaha kemanusiaan serta membantu komuniti yang memerlukan.

Musa serta persembahan penuh emosi oleh kanak-kanak Palestin yang melambangkan harapan dan ketabahan.

Majlis ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri selaku penaung acara, bersama Tuan Haji Zulkifli Wahijan, Presiden Muslim Care Malaysia Society. Acara turut dimeriahkan dengan kehadiran istimewa Datuk Dr. Norhafizah

Dr. Rayney Azmi Ali, Ketua Pegawai Eksekutif KMI Healthcare, mewakili TDM untuk menyampaikan cek sumbangan tersebut sebagai tanda solidariti, diiringi oleh barisan pengurusan kanan Kumpulan TDM. Sebagai penyumbang utama misi ini, TDM komited untuk terus memberi impak positif dalam usaha kemanusiaan.



## TDM LANCAR INISIATIF PROGRAM HOSPITAL MESRA IBADAH

03 JULAI 2024

KMI Kuala Terengganu dengan bangganya melancarkan inisiatif 'Program Hospital Mesra Ibadah'. Pencapaian ini disambut dengan penuh gemilang apabila KMI Healthcare berjaya meraih dua anugerah berprestij pada Healthcare Asia Award 2023 yang berlangsung di Shangri-La, Singapura. Anugerah yang diterima adalah Best Patient Care Initiative dan Best Service Delivery Innovation Initiative of the Year.

Sebagai sebahagian daripada Minggu Program National Training Week (NTW) 2024, TDM Berhad dengan kerjasama Jabatan Syariah dan Shakhsiah telah mengadakan sesi wacana interaktif yang dipimpin oleh Ustaz Muhamad Hamdi Harun, Ketua Syariah dan Shakhsiah di TDM Berhad, serta Ustaz Shukri Mohamed @ Harun, Pegawai Syariah di KMI Kuala Terengganu Medical Centre. Melalui sesi ini, mereka berkongsi pandangan mendalam tentang pelaksanaan dan kejayaan kempen



'Hospital Mesra Ibadah'. Sesi ini telah disertai oleh 100 peserta, termasuk kakitangan Kumpulan TDM serta pelajar universiti dalam bidang kejururawatan dan pengajian Islam.

Bagi memastikan kejayaan kempen 'Hospital Mesra Ibadah', semua hospital

di bawah KMI Healthcare telah dilengkapi dengan kemudahan seperti surau, penunjuk kiblat di setiap bilik, serta set tayammum dan kelengkapan solat. Selain itu, bagi mewujudkan suasana inklusif dan mesra, bilik tenang turut disediakan khusus untuk solat serta meditasi bagi individu daripada pelbagai latar belakang agama.

# TDM MENYANTUNI GOLONGAN ASNAF MELALUI PROGRAM 'TDM BERSAMA MASYARAKAT AJIL'

**26** SEPTEMBER 2024 HULU TERENGGANU, TDM DENGAN KERJASAMA PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT ADUN AJIL TELAH MELAKSANAKAN PROGRAM 'TDM BERSAMA MASYARAKAT', MENYANTUNI GOLONGAN ASNAF DI AJIL.



Program ini dirasmikan oleh YB Ustaz Haji Maliaman Kassim, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ajil, bertempat di Dewan Sivik Ajil, Hulu Terengganu.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM, Ustaz Fakhru Islam Yaacob, Pegawai Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Zon Tengah, serta Haji Lizan Che Mat, Pegawai Daerah Hulu Terengganu.

Sebagai sebahagian daripada komitmen TDM terhadap tanggungjawab sosial korporat (CSR), program ini bertujuan mendekati masyarakat setempat dan membantu golongan yang memerlukan, khususnya asnaf di kawasan Ajil. Sumbangan keseluruhan berjumlah RM20,000.00, termasuk sumbangan tunai dan barangan keperluan, diberikan kepada penerima sebagai usaha meringankan beban mereka dan mempereratkan hubungan antara TDM dengan masyarakat tempatan.



TDM, sebagai syarikat yang menitikberatkan tanggungjawab sosial, terus berusaha untuk mengimbangi keuntungan perniagaan dengan komitmen terhadap pembangunan sosial dan kebajikan masyarakat. Program seperti 'TDM Bersama Masyarakat Ajil' ini menjadi bukti jelas TDM dalam membantu golongan yang memerlukan, di samping menjadi inspirasi kepada organisasi lain untuk turut menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Sokongan berterusan TDM terhadap kerajaan negeri Terengganu juga mencerminkan hasrat syarikat untuk menyumbang kepada kemakmuran negeri. Pada masa hadapan, TDM akan mempergiatkan lagi usaha membantu komuniti tempatan melalui program CSR yang lestari. Program ini turut dihadiri oleh pihak pengurusan Kumpulan TDM serta penduduk setempat di Ajil.

# TDM SAMBUT MUHARRAM 1446H DENGAN 'PROGRAM GOTONG-ROYONG ASYURA'



**22 JULAI 2024** Sempena bulan Muharram 1446H, TDM bersama Kelab Sukan & Kebajikan Ibu Pejabat (KSKIP) telah menganjurkan 'Program Gotong-Royong Asyura'. Sebanyak 1,000 bekas 'Bubur Asyura' berjaya diagihkan kepada komuniti sekitar serta kepada kakitangan TDM yang bertempat di hadapan Wisma TDM. Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM, turun padang untuk bersama warga kerja TDM dalam mengagihkan 'Bubur Asyura' kepada masyarakat sekeliling.

Bulan Muharram, yang menandakan permulaan tahun baru Islam, penuh dengan keberkatan dan peluang untuk meningkatkan amalan kebajikan. Sambutan Asyura, yang jatuh pada hari kesepuluh Muharram, mengingatkan kita akan peristiwa penting dalam sejarah Islam, yang mengajar kita tentang kesabaran, ketabahan, dan keikhlasan.

# TDM SERTAI SAMBUTAN HARI GAJAH SEDUNIA 2024

**17 OGOS 2024** TDM berpeluang menyertai sambutan Hari Gajah Sedunia 2024 yang dianjurkan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia. Acara ini diadakan di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah, Lanchang, Pahang, dan dihadiri oleh Encik Hamdan Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif TDM Plantation, bersama ahli-ahli pengurusan yang lain.

TDM menyokong sepenuhnya inisiatif ini, yang sejajar dengan komitmen kami untuk melindungi dan memelihara hidupan liar, khususnya gajah. Ladang kami mengamalkan konsep "Hidup Bersama Gajah," yang memberi keutamaan kepada keharmonian dan kewujudan bersama antara manusia dan gajah. Dengan cara ini, TDM bukan sahaja memastikan kelestarian alam sekitar, tetapi

juga meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan melindungi spesies yang terancam ini.

Penyertaan TDM dalam sambutan Hari Gajah Sedunia 2024 ini menyumbang kepada usaha pemuliharaan dan menjadi bukti komitmen kami untuk membina masa depan yang lebih lestari dan harmoni dengan alam semula jadi.







# SATU LANCAR EKSPEDISI KEMBARA CITA KE EVEREST BASE CAMP

MAJLIS SIMBOLIK PELANCARAN KEMBARA CITA SATU EVEREST BASE CAMP MOUNT KALAPATHAR, BANJARAN HIMALAYA, NEPAL BERLANGSUNG DENGAN PENUH GEMILANG PAGI INI DI KEDIAMAN SERI IMAN. PROGRAM INI DIRASMIKAN OLEH YAB DATO' SERI IR DR AHMAD SAMSUBI BIN MOKHTAR, MENTERI BESAR TERENGGANU.

Ekspedisi berani ini, yang dianjurkan melalui Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan SATU, dijadualkan berlangsung dari 21 Oktober hingga 4 November 2024. Ia akan diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Hj. Abdul Karim bin Endut.

Sempena Sambutan Jubli Perak 25 Tahun SATU, ekspedisi ini bertujuan mendekati komuniti Islam minoriti di Kathmandu, Nepal, melalui pemberian sumbangan. Selain itu, ia turut menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti fizikal yang berorientasikan alam semula jadi.



Pendakian ke Banjaran Himalaya ini dijangka mengambil masa 15 hari, dengan destinasi utama ialah Everest Base Camp pada ketinggian 5,364 meter. Ekspedisi ini bukan sahaja menguji ketahanan fizikal para pendaki, tetapi juga menekankan kesedaran terhadap kesihatan mental, fizikal, dan kepentingan hubungan harmoni dengan alam sekitar.

SATU mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan strategik seperti TDM Berhad, KMI Kuala Terengganu Medical Centre, PTT Synergy Group Berhad, Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd, JAKS Resources Berhad, dan Terengganu Backpackers atas sokongan padu terhadap program ini.

Ekspedisi ini melibatkan 8 pendaki terpilih yang melalui proses pemilihan ketat, terdiri daripada 4 wakil SATU, 1 wakil Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd, dan 3 wakil Terengganu Backpackers.

Melalui inisiatif ini, SATU berharap dapat menginspirasi masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif. Pada masa yang sama, program ini juga bertujuan menanam semangat keprihatinan dan kolaborasi demi memberi manfaat kepada komuniti, sekaligus mencipta perubahan positif yang berpanjangan.



# SATU WATER LAKSANA PROGRAM CSR PEMBERSIHAN DI PERKUBURAN ISLAM

02 JULAI 2024

SATU WATER, MELALUI INISIATIF TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT, TELAH MELAKSANAKAN PROGRAM CSR PEMBERSIHAN DI PERKUBURAN ISLAM KAMPUNG MAKAM LAMA SERTA AKTIVITI MENGECAT LINTASAN PAIP DI SEKITAR BANDAR KUALA TERENGGANU.



Program ini melibatkan penyertaan seramai 48 orang warga kerja SATU Water yang diketuai oleh pasukan SATU daerah Kuala Terengganu.



Berlandaskan slogan rasmi SATU, Care for Life and Beyond, program CSR ini bertujuan untuk memperkukuhkan nilai kebersamaan serta solidariti dalam komuniti, di samping memastikan kawasan perkuburan sentiasa terjaga dengan baik. Inisiatif ini juga memupuk nilai keagamaan dalam kalangan warga kerja SATU.

# SATU WATER JAYAKAN PROGRAM CSR DI SK PULAU REDANG

10 JULAI 2024

SATU WATER, MENERUSI INISIATIF TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORATNYA, TELAH MELAKSANAKAN PROGRAM CSR SUMBANGAN KEPADA SK PULAU REDANG SERTA PROGRAM CEO CARE YANG BERTEMPAT DI PULAU REDANG.



Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Abdul Karim Endut, berbesar hati menyampaikan sumbangan bernilai RM5,000 kepada Guru Besar SK Pulau Redang, Puan Rozila Amir. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah pihak pengurusan SATU serta wakil pengurusan SK Pulau Redang.

Selain itu, pihak pengurusan SATU juga turut serta dalam aktiviti gotong-royong yang melibatkan kerja-kerja pembersihan di sekitar kawasan Rumah Pam Pulau Redang. Menerusi pendekatan "Care for Life and Beyond," program CSR ini diharap dapat memperkukuhkan nilai-nilai murni dalam usaha menyantuni dan memperkasa komuniti setempat.

# PROGRAM LAWATAN PELAJAR KE LRA BUKIT BERAPIT SEMPENA JUBLI PERAK SATU

Sebagai salah satu inisiatif dalam siri program Majlis Sambutan Jubli Perak ke-25 tahun yang berlangsung baru-baru ini, Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) telah menganjurkan program lawatan pelajar ke Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Berapit. Majlis ini dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Abdul Karim Endut.

Seramai 96 orang pelajar sekolah telah berpeluang mengunjungi LRA Bukit Berapit. Sepanjang sesi lawatan, para

pelajar diberi pendedahan mengenai pengoperasian dan kepentingan sistem rawatan air. Mereka turut berpeluang melihat secara langsung proses bagaimana air mentah diproses menjadi air bersih yang selamat untuk kegunaan harian.

Antara tarikan program adalah pembukaan 10 buah reruai, di mana setiap satu mewakili unit dan jabatan di SATU.

Melalui lawatan ini, para pelajar dapat bertanya dan berinteraksi dengan kakitangan profesional, selain memahami cabaran serta solusi dalam usaha memastikan bekalan air yang berkualiti untuk masyarakat.



# SATU WATER HULUR BANTUAN TANGKI AIR DI KELANTAN

Pihak SATU Water prihatin terhadap gangguan bekalan air di negeri Kelantan yang telah menyebabkan henti tugas di Loji Rawatan Air (LRA) Merbau Chondong, Machang, Kelantan.

Atas dasar keprihatinan dan tanggungjawab sosial, SATU Water kini bekerjasama dengan pihak Air Kelantan Official untuk menyalurkan bantuan tangki air ke kawasan-



kawasan terjejas berikutan insiden paip air mentah GRP 1100mm yang pecah di Kampung Belukar, Machang.

SATU kekal komited dalam usaha menjalin kerjasama strategik antara operator air di seluruh negara, terutamanya dalam menangani isu dan cabaran utama perkhidmatan air, demi memastikan bekalan air yang berterusan kepada pengguna.



## TI PROPERTIES MENAJA PROGRAM SAMO FUN WALK: DORONG GAYA HIDUP SIHAT DALAM KOMUNITI SETEMPAT



**12  
OKTOBER  
2024**

TI Properties Sdn Bhd terus memainkan peranan penting dalam menyokong usaha kebajikan melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan menaja program SAMO Fun Walk 2024. Program ini, yang dianjurkan oleh Khairunnisa' dan Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Terengganu (SAMO), telah diasmikan oleh To' Puan Hajah Zarani Othman, Timbalan Pengerusi Persatuan Isteri Wakil Rakyat, di Kompleks Sukan TER, Kuala Ibai.

Tujuan utama SAMO Fun Walk 2024 adalah untuk meningkatkan kesedaran awam tentang pentingnya pemeriksaan

awal kanser payudara serta memberikan sokongan kepada individu yang terkesan dengan penyakit tersebut. Selain itu, program ini turut menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan peserta dan komuniti setempat.

Dengan penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat, SAMO Fun Walk 2024 menjadi platform yang efektif untuk memupuk kesedaran kesihatan dan menyokong usaha komuniti dalam mengekalkan kesejahteraan keseluruhan. Tajaan TI Properties dalam program ini menegaskan komitmennya untuk terus menyumbang kepada inisiatif kesihatan dan kebajikan komuniti di Terengganu.

## TI PROP HARMONI KOMUNITI: KEMPEN KESEDARAN KESIHATAN WANITA BERSEMPENA BULAN KESEDARAN KANSER PAYUDARA

**17  
OKTOBER  
2024**

TI Properties Sdn Bhd berjaya menganjurkan program "TI PROP HARMONI KOMUNITI: Kempen Kesedaran Kesihatan Wanita" sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) pada 17 Oktober 2024, bertempat di jalan utama berhampiran Jambatan Angkat Kuala Terengganu. Sepanjang program ini, sebanyak 600 biskut berwarna merah jambu telah diedarkan kepada pengguna jalan raya sebagai simbol kesedaran terhadap kanser payudara.



Program ini merupakan hasil kerjasama antara TI Properties dan rakan strategiknya, Hospital Pakar SALAM Kuala Terengganu, yang turut menjadi penaja acara ini. Biskut merah jambu yang diedarkan membawa mesej penting untuk menggalakkan masyarakat menjalani pemeriksaan payudara secara berkala dan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pengesanan awal.

Acara ini turut dihadiri oleh individu-individu penting, termasuk Encik Awasi Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif TI Properties; Datin Maslina Ibrahim, Pengarah Eksekutif Hospital Pakar

SALAM; serta Puan Nor Farihan Ramli, Pengurus Operasi Hospital Pakar SALAM Kuala Terengganu. Kehadiran mereka menegaskan peri pentingnya kolaborasi dalam memupuk kesedaran kesihatan dan kesejahteraan komuniti.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan TI Properties dalam melibatkan diri dengan komuniti serta menyokong usaha-usaha yang mempromosikan kesihatan awam dan kesejahteraan masyarakat. TI Properties berharap melalui program seperti ini, lebih ramai individu akan mengambil langkah proaktif demi menjaga kesihatan mereka.



## TI PROPERTIES HARMONI LESTARI: TI PROPERTIES MENDORONG KOMITMEN ESG MELALUI PENANAMAN SEMULA POKOK BAKAU

23  
OGOS  
2024

TI Properties Sdn Bhd, melalui program tanggungjawab sosial korporatnya, telah berjaya melaksanakan inisiatif penanaman pokok bakau yang bertujuan untuk memelihara dan memulihkan ekosistem hutan bakau di Terengganu. Program ini adalah sebahagian daripada komitmen TI Properties terhadap kelestarian alam sekitar dan menyokong misi kerajaan Malaysia untuk mencapai neutral karbon 100 peratus menjelang 2050. Acara ini diadakan di Pusat Pendidikan Alam Sekitar ecoCare di Kertih, Kemaman, Terengganu dan dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif TI Properties, Tn Hj Awasi Mohamad, bersama penyertaan kakitangan TI Properties.



## SK TELUK KETAPANG RAIKAN KEMERDEKAAN DENGAN KAYUHAN BASIKAL KE JAMBATAN ANGKAT KUALA TERENGGANU

09  
SEPTEMBER  
2024

TI Properties Sdn Bhd baru-baru ini telah berjaya menganjurkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), #TIPropHarmoniDidik, dengan acara Kayuhan Basikal Berhias sempena Bulan Kemerdekaan. Program ini melibatkan penyertaan 115 murid dan guru dari SK Teluk Ketapang yang berkhayal ke Jambatan Angkat Kuala Terengganu.



Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan penglibatan syarikat dalam aktiviti yang memberi manfaat kepada komuniti setempat. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menyemai penghargaan dalam kalangan generasi muda terhadap perjuangan dan pengorbanan para pejuang terdahulu,

di samping memupuk gaya hidup yang lebih sihat.

TI Properties berharap agar program ini menjadi sumber inspirasi, pembelajaran, dan kejayaan khususnya kepada murid-murid SK Teluk Ketapang.

## PERASMIAN PERKHEMAHAN UNIT BERUNIFORM SK SEBERANG TAKIR : MEMBENTUK KEPIMPINAN GENERASI MASA HADAPAN



03  
OKTOBER  
2024

TI Properties Sdn Bhd, yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Encik Awasi Mohamad, dengan bangga telah merasmikan Perkhemahan Unit Beruniform yang dianjurkan oleh Sekolah Kebangsaan Seberang Takir bagi tahun 2024. Acara ini turut diserikan dengan pelancaran Monumen Jambatan Angkat Kuala Terengganu yang direka dan dibina sendiri oleh pihak sekolah, mencerminkan semangat inovatif serta komitmen mereka terhadap kecemerlangan.

Selaras dengan misi kami untuk mempromosikan pembangunan pendidikan, TI Properties telah memberikan sokongan dengan menaja 138 tiket masuk ke Galeri Jambatan Angkat Kuala Terengganu untuk para peserta. Inisiatif ini bertujuan memberi pengalaman pembelajaran yang bermakna, di mana peserta dapat memahami kejuruteraan canggih di sebalik pembinaan jambatan angkat serta fungsi sistem hidrauliknya.

Tajaan ini merupakan sebahagian daripada komitmen kami melalui program TI Prop Harmoni Didik, yang menumpukan kepada pembangunan modal insan. Kami percaya bahawa menyokong generasi muda melalui pendidikan, kreativiti, dan pembelajaran praktikal adalah asas penting dalam membentuk pemimpin masa depan yang berkaliber tinggi.

Tahniah kepada Sekolah Kebangsaan Seberang Takir atas usaha luar biasa dalam menganjurkan program berimpak tinggi ini. TI Properties berbangga dapat memainkan peranan dalam memupuk potensi generasi pemimpin akan datang.

## SUMBANGAN KEPADA SEKOLAH PONDOK OLEH ADUN AIR PUTIH DAN LADANG RAKYAT TRENGGANU



14  
OKTOBER  
2024

KEMAMAN, Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Encik Mohd Hafiz bin Adam, merangkap Ahli Lembaga Pengarah Ladang Rakyat Trengganu Sdn. Bhd. (LRTSB), bersama Ketua Eksekutif LRTSB, Yang Mulia Tuan Haji Che Ku Hafeez bin Chek Ku Denang, telah menyampaikan sumbangan kepada beberapa sekolah pondok di kawasan DUN Air Putih. Program ini turut melibatkan rombongan daripada Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Air Putih.

Sumbangan tersebut diagihkan kepada beberapa institusi pendidikan Islam, termasuk Madrasah Tahfiz al-Faaiz di Pasir Gajah, Pusat Pengajian Islam Ribat al-Asyraf di Jalan Mak Lagam, serta lima lagi sekolah pondok lain, iaitu Madrasah Darul Hikmah, Madrasah Hafizah Khadijatulkubro Kemaman, Ribat Darul Ansar, Madrasah Sirotol Mustaqim, dan Maahad Tahfiz Darul Uloom al-Islamiah di Bukit Takal, Jalan Ibok.

Menurut Encik Mohd Hafiz, sumbangan ini bertujuan menyokong usaha sekolah-sekolah pondok dalam melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak mulia, dan berteraskan nilai-nilai Islam. "Kami berharap bantuan ini dapat meringankan beban pihak sekolah pondok dalam melaksanakan tanggungjawab mendidik generasi muda," ujarnya.

Ketua Eksekutif LRTSB, YM Tuan Haji Che Ku Hafeez, turut menyatakan komitmen syarikat dalam menyokong pembangunan pendidikan komuniti setempat melalui program-program seperti ini. Usaha ini mendapat sambutan baik daripada wakil institusi pendidikan yang terlibat, yang berterima kasih atas keprihatinan pihak ADUN dan LRTSB terhadap keperluan mereka. Diharapkan program sebegini dapat diteruskan untuk manfaat masyarakat pada masa hadapan.

## KARNIVAL KOMUNITI LADANG RAKYAT TRENGGANU 2024 MERIAH DENGAN PELBAGAI AKTIVITI



26  
OKTOBER  
2024

CHUKAI, Ladang Rakyat Trengganu Sdn. Bhd. (LRTSB) dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Putih telah berjaya menganjurkan Karnival Komuniti Ladang Rakyat Trengganu 2024. Karnival yang berlangsung dengan meriah ini bertempat di kawasan ladang rakyat dan menarik pelbagai lapisan masyarakat setempat.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang karnival ini, termasuk acara utama seperti Larian Komuniti, Pasar Berkat, Pertandingan Memasak dan Pertandingan Mewarna untuk kanak-kanak. Selain itu, karnival ini turut menyaksikan penyertaan beberapa organisasi seperti Bank Simpanan Nasional, CelcomDigi dan Indah Water Konsortium yang mengadakan pameran untuk pengunjung.

Dalam usaha menjaga kesihatan masyarakat, Poliklinik Ibnu Sina turut menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan percuma yang mendapat sambutan memberangsangkan daripada pengunjung.



Karnival ini bertujuan mengeratkan hubungan antara komuniti serta memberikan peluang kepada penduduk setempat untuk terlibat dalam aktiviti sosial dan ekonomi yang bermanfaat.

Kehadiran orang ramai yang memeriahkan karnival ini membuktikan sokongan padu terhadap inisiatif yang diadakan. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang demi kebaikan masyarakat.



# INTERNATIONAL GOLDEN MONSOON RIDE (IGMR) 2024 CIPTA DETIK BERSEJARAH DI PSKT

**14** TDM BERHAD, ANAK SYARIKAT KUMPULAN TERENGGANU INC, TELAH BERJAYA MENGANJURKAN INTERNATIONAL GOLDEN MONSOON RIDE (IGMR) 2024, YANG MERUPAKAN ACARA UNGGUL TAHUNAN TERENGGANU INC CHALLENGER SERIES, YANG BERLANGSUNG DI PUSAT SAINS DAN KREATIVITI TERENGGANU (PSKT).



Acara ini telah menarik penyertaan kira-kira 1,600 pelumba termasuk peserta antarabangsa, menjadikannya salah satu acara sukan paling dinantikan pada musim monsun.

Perasmian IGMR 2024 telah disempurnakan oleh YB Haji Hishamuddin Abdul Karim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO, mewakili YAB Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar. Acara ini turut disaksikan oleh YBM Tengku Seri Bijaya Raja, Pengerusi TDM Berhad; Encik Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc; serta Tuan Haji Najman Kamarudin, Pengarah Eksekutif TDM Berhad.

Acara yang berlangsung dengan semangat kesukanan tinggi ini menampilkan



12 kategori kayuhan lasak yang mencabar, memberikan pengalaman unik kepada peserta dalam suasana hujan monsun. Selain itu, cabutan bertuah turut diadakan sebagai tarikan tambahan, dengan hadiah utama berupa sebuah kereta Myvi, motosikal, dan pelbagai hadiah menarik yang lain.

Majlis penutup yang berlangsung di PSKT turut mengumumkan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) sebagai pengelola utama untuk edisi IGMR 2025. Pengumuman ini menandakan kesinambungan usaha Kumpulan

Terengganu Inc dalam memperkukuh agenda mempromosikan negeri Terengganu sebagai hab sukan berbasikal peringkat antarabangsa.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada TDM Berhad dan semua pihak yang terlibat atas kejayaan penganjuran IGMR 2024. Jumpa anda di IGMR 2025!

# TI PROPERTIES TAJA KEJOHANAN TOUR GATEH D'TRANUNG 2024

23  
OKTOBER  
2024

KEJOHANAN TOUR GATEH D'TRANUNG 2024 MELABUHKAN TIRAINYA DENGAN GILANG GEMILANG SELEPAS MENJELAJAH LIMA DAERAH DI TERENGGANU: DUNGUN, MARANG, HULU TERENGGANU, KUALA NERUS, DAN KUALA TERENGGANU.



TIP Properties berbangga menjadi penaja rasmi bagi acara berprestij ini, yang berjaya mempromosikan jenama TIP ke seluruh negeri sambil menonjolkan produk-produk serta tarikan unik Terengganu kepada khalayak global.



Antara lokasi ikonik yang menjadi tumpuan dalam kejohanan ini termasuk Pulau Poh, Tasik Kenyir, yang merupakan lokasi peringkat ketiga, serta Jambatan Angkat Kuala Terengganu yang menghiasi peringkat kelima kejohanan ini. Tempat-tempat ini menunjukkan

peranan penting TIP Properties dalam mengurus dan menyelenggara kemudahan-kemudahan yang ada di Terengganu.

TIP Properties Sdn. Bhd. akan terus komited menyokong acara-acara seperti ini, bagi mengukuhkan kedudukan Terengganu sebagai "Land of Cyclists" di pentas dunia.

TIP mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pengurus kelab berbasikal serta para atlet yang telah menyumbang kepada kejayaan kejohanan ini.

Bersama-sama, kita terus memacu Terengganu ke mercu kejayaan yang lebih gemilang!

## SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD (SATU) BANGGA SOKONG TOUR GATEH D'TRANUNG 2024



Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) berbesar hati menjadi salah satu penaja utama bagi acara Tour Gateh D'Tranung 2024 (TGDT 2024), bersama rakan penaja lain seperti Terengganu Inc, EPIC Berhad, Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd, TI Properties, TDM Berhad, Golden Pharos Berhad, GPQ Sdn Bhd, dan banyak lagi.

Dalam Majlis Perasmian dan Memperkenalkan Pasukan & Penaja TGDT 2024 yang telah berlangsung di Dewan Besar, Wisma Darul Iman, token penajaan SATU telah diserahkan oleh Encik Osman bin Mohd, Pengurus Besar Kanan Operasi, mewakili

Ketua Pegawai Eksekutif SATU, kepada YB Ustaz Haji Hishamuddin Abdul Karim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Negeri. Penyerahan ini turut disaksikan oleh Encik Ahmad Shahrizal Yahaya, Pengarah Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT), mewakili YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu.

Acara ini bukan sahaja bertujuan untuk menyetarakan bakat pelumba tempatan dan antarabangsa, malah menjadi platform untuk mempromosikan pelancongan sukan di Terengganu. Trek perlumbaan melibatkan

pelbagai lokasi ikonik seperti Jambatan Angkat Kuala Terengganu (Drawbridge), Pantai Batu Buruk, Jambatan Pulau Poh, serta destinasi menarik lain yang menjadi tarikan pelancong.

SATU berbangga dapat menyokong acara ini, yang bukan sahaja mengangkat nama Terengganu dalam bidang sukan dan pelancongan tetapi juga memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi dan sosial negeri.



# EPIC BERHAD RANCAKKAN PENGANJURAN TOUR GATEH D'TRANUNG 2024

**23** KEHANGATAN TOUR GATEH D'TRANUNG KIAN TERASA BUAT EDISI KETIGANYA TAHUN INI DAN EPIC BERHAD BERBESAR HATI MENGEKALKAN PENAJAAN BAGI MENYEMARAKKAN LAGI KETERUJAN KEJOHANAN BERSAMA ANAK-ANAK SYARIKAT KUMPULAN TERENGGANU INC!




Sokongan padu pihak syarikat untuk acara berbasikal tersebut secara rasminya diumumkan dengan gimik penyerahan tajaan kepada YB Ustaz Haji Hishamuddin Abdul Karim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO, yang mewakili YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu, oleh Encik Rusdi Ngah, Pengurus Besar Komunikasi Korporat dan HSSEQ, dengan disaksikan Encik Ahmad Shahrizal Yahaya, Pengerah Majlis Sukan

Negeri Terengganu (MSNT) ketika Majlis Perasmiian Dan Memperkenalkan Penaja Dan Pasukan Tour Gateh D'Tranung 2024 di Wisma Darul Iman awal hari ini.


Pada majlis yang sama juga turut diperkenalkan jersi baharu "Raja Pecut" berwarna hijau tajaan EPIC Berhad, lengkap dengan elemen batik cerminan warisan tradisi Melayu Terengganu, yang bakal menjadi rebutan para peserta selain jersi-jersi baharu lain.

Edisi kali ini menampilkan 25 pasukan yang terdiri daripada 15 kelab tempatan, termasuklah pasukan bertaraf benua Terengganu Cycling Team, dan 10 pasukan pasukan elit antarabangsa dari Australia, China, Eropah, Indonesia, Belanda, Filipina, Singapura dan Thailand, kesemuanya berentap untuk lima kategori utama bagi memenangi hadiah wang tunai sejumlah RM100,000 dan gelaran juara.



# EPIC BERHAD TAJA KEJOHANAN BOLA SEPAK ROBOTIK KEBANGSAAN 2024

**28** OKTOBER 2024  
 EPIC BERHAD BERPELUANG MENGHADIRI MAJLIS PERASMIAN PENUTUP FESTIVAL SAINS TEKNOLOGI & INOVASI (FESTI) 2024 ANJURAN PUSAT SAINS & KREATIVITI TERENGGANU (PSKT).



Majlis tersebut diserikan dengan kehadiran YBM Tengku Seri Bijaya Raja, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu; Haji Burhanuddin Hilmi Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc; dan Encik Rusdi Ngah, Pengurus Besar Komunikasi Korporat dan HSSEQ EPIC Berhad, yang turut berkesempatan menyaksikan perlawanan akhir "National Soccer Robotic Championship (NSRC) 2024" anjuran PSKT dengan kerjasama pihak syarikat sebagai penaja utama.

Kejohanan ini mempamerkan kepakaran dan aksi lincah pasukan-pasukan bertanding mengawal

ciptaan robotik masing-masing bagi menjaringkan gol. Pasukan "Putrabot A" daripada Sekolah Menengah Lepar Utara Jengka berjaya merangkul gelaran juara bagi kategori sekolah, manakala Pasukan "UMPSA" daripada Universiti Malaysia Pahang Kampus Pekan berjaya merebut tempat pertama bagi kategori institut pengajian tinggi (IPT).

EPIC Berhad menyambut baik usaha PSKT mempromosi dan memperkasakan kefahaman selain merencanakan penyertaan komuniti pada awal usia dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan matematik (STEM).



# KUMPULAN TDM MUNCUL JUARA KATEGORI KORPORAT DAN NGO DALAM SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1446H/2024M

**16** SEPTEMBER 2024  
TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA KUMPULAN TDM ATAS PENCAPAIAN LUAR BIASA APABILA DINOBATKAN SEBAGAI JUARA BAGI KATEGORI KORPORAT DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) SEMENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL S.A.W. PERINGKAT NEGERI TERENGGANU 1446H/2024M.



Kejayaan ini lebih bermakna kerana ia merupakan penyertaan sulung TDM dalam acara tersebut.

Sambutan yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Gong Badak ini menyaksikan penyertaan 59 kontinjen yang berarak sejauh 3.9 kilometer. Kontinjen TDM diketuai oleh YBM Tengku Seri Bijaya Raja, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu merangkap Pengerusi TDM, bersama pemimpin negeri yang lain. Kehadiran mereka mencerminkan semangat perpaduan dalam memuliakan kelahiran Nabi Muhammad S.A.W.



Majlis penutup disempurnakan oleh KDYMM Sultan Terengganu, Al-Watiquh Billah Sultan Mizan Zainal Abidin, yang turut menyampaikan anugerah kepada para juara. Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM, menerima anugerah berprestij ini bagi pihak

syarikat, menjadikan detik tersebut kebanggaan bagi semua yang terlibat.

Kejayaan ini menyerlahkan dedikasi dan perpaduan dalam kalangan pasukan TDM, yang bekerja keras menjayakan penyertaan

mereka. Kemenangan sulung ini bukan sahaja membuktikan komitmen TDM terhadap kecemerlangan tetapi juga mencerminkan semangat mereka dalam memupuk nilai-nilai kerohanian serta kasih dan hormat kepada Nabi Muhammad S.A.W.

## TDM SOKONG MFC DALAM MISI DAKWAH MELALUI BOLA SPEAK

**22** JULAI 2024

22 Julai 2024 TDM berbangga menjadi salah satu penaja Maahad FC (MFC), sebuah pasukan bola sepak yang dinamik dan penuh inspirasi. Ditubuhkan pada tahun 2016, MFC dianggotai oleh alumni Maahad Tahfiz yang komited untuk memajukan sukan sambil menyebarkan nilai-nilai Islam. Baru-baru ini, MFC telah melancarkan jersi keempat mereka dalam satu acara yang lebih bermakna dengan kehadiran pemain-pemain dari Terengganu Football Club (TFC), menambah kemeriahan dan signifikan kepada acara tersebut.

Matlamat utama penubuhan MFC adalah menggunakan bola sepak sebagai platform untuk dakwah (menyebarkan mesej Islam) dan mengukuhkan ikatan persaudaraan antara pelajar serta masyarakat. Melalui penyertaan mereka dalam sukan, MFC menunjukkan bahawa pelajar Maahad Tahfiz bukan sahaja cemerlang dalam pendidikan agama, tetapi juga mampu bersaing dalam dunia sukan. Ini membuktikan bahawa pendidikan agama dan kecergasan fizikal boleh seiring, membentuk individu yang seimbang dari segi rohani dan jasmani.



TDM berharap agar MFC terus menunjukkan ketabahan dan dedikasi dalam mencapai kejayaan. Kami berharap untuk melihat MFC melahirkan lebih ramai pemain yang bukan sahaja berbakat, tetapi juga berakhlak mulia dan komited kepada Islam.

## TDM DAN KMI KUALA TERENGGANU MEDICAL CENTRE MERANCAKKAN STADIUM DENGAN 'HALF-TIME SHOW: PENALTY KICK'



hadir memberikan sokongan penuh kepada pasukan Terengganu FC. Malah, mereka turut menyertai sepakan penalti, menampilkan semangat keterlibatan TDM dengan komuniti dan usaha memupuk pembangunan sukan di negeri ini.

Kemeriahan dan sorakan daripada penonton jelas mencerminkan kejayaan acara kolaborasi ini antara TDM, KMIKT dan Terengganu FC. TDM berharap kerjasama sebegini terus memberi inspirasi kepada masyarakat, memperkukuh sokongan terhadap atlet tempatan, serta mengangkat Terengganu sebagai pusat budaya sukan yang dinamik. Melalui usaha seperti ini, TDM bangga memainkan peranan dalam menyemarakkan arena sukan tempatan dan menggalakkan semangat kesukanan serta perpaduan komuniti.

Acara seperti ini pastinya mendekatkan lagi rakyat Terengganu dengan sukan kegemaran mereka, menjadikan pengalaman menonton bola sepak lebih istimewa dan bermakna.

**29** SEPTEMBER 2024  
 KUALA TERENGGANU – TDM bersama KMI Kuala Terengganu Medical Centre (KMIKT) telah menganjurkan acara menarik, 'Half-Time Show: Penalty Kick', semasa perlawanan antara Terengganu FC dan Selangor FC di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin. Sebagai penaja utama musim 2024/2025 untuk Terengganu FC, penglibatan TDM dalam acara ini menzahirkan komitmennya bukan sahaja dalam menyokong sukan tempatan, tetapi juga mencipta pengalaman bermakna buat peminat bola sepak.

Acara separuh masa ini menambah elemen keseronokan, dengan tiga peserta dipilih menerusi pertandingan di Instagram anjuran TDM dan KMIKT. Pertandingan tersebut mendapat sambutan hangat, dan pemenang bertuah berpeluang merasai pengalaman unik mengambil sepakan penalti di padang semasa waktu rehat.

Bagi mewakili TDM, Haji Mohd Mardi Ismail, Ketua Risiko, Integriti, Pematuhan & Kelestarian, bersama Dr. Mohamad Ros Mohamad Ali, Pakar Ortopedik dari KMIKT,

## PRIMULA BEACH HOTEL PROGRAM SEMARAKKAN SEMANGAT PATRIOTISME: PENGAGIHAN 1,000 JALUR GEMILANG

**29** OGOS 2024  
 Sejak tahun 2019, Primula Beach Hotel telah menganjurkan pelbagai acara tahunan untuk menyemarakkan semangat patriotisme dan cinta akan negara sempena Hari Kemerdekaan Malaysia. Tahun ini, tradisi tersebut diteruskan dengan skala lebih besar melalui kerjasama bersama Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2).

Bertempat di Plaza Tol LPT2 Gemuruh, Program Pengagihan Jalur Gemilang berjaya mengagihkan 1,000 bendera Jalur Gemilang kepada pengguna jalan raya. Program ini bertujuan memupuk semangat patriotisme, menggalakkan rakyat menghargai nilai kemerdekaan, serta menyemai rasa cinta yang mendalam terhadap negara. Jalur Gemilang, sebagai simbol identiti kebangsaan, diharapkan dapat menjadi inspirasi kepada semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia melalui pengibaran bendera tersebut.

Inisiatif ini juga memberi peluang kepada Primula Beach Hotel untuk mendekati pelanggan dan masyarakat umum dengan cara yang lebih



bermakna. Sebagai sebuah penyedia perkhidmatan hospitaliti, hotel ini turut memainkan peranan penting dalam menyemarakkan semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat.

Primula Beach Hotel berharap semangat patriotisme yang disemarakkan melalui program ini akan kekal berpanjangan dan menjadi inspirasi untuk masa depan. Hotel ini komited untuk terus menyokong usaha-usaha mendukung semangat kemerdekaan dan kelestarian kebangsaan sambil memastikan setiap tetamu dapat merasai nilai-nilai murni yang dijunjung oleh rakyat Malaysia.

